

JILID III

HARI SELASA

BIL. 2

30 OKTOBER, 1984



LAPORAN PERSIDANGAN

OFFICIAL REPORT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG

YANG KEENAM

SIXTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

PENGGAL YANG KETIGA

THIRD SESSION

MESYUARAT YANG KEDUA

SECOND MEETING

ISSN 0304 - 1697



LAPORAN PERSIDANGAN

OFFICIAL REPORT

**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEENAM**

SIXTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

**PENGGAL YANG KETIGA
THIRD SESSION**

**MESYUARAT YANG KEDUA
SECOND MEETING**

KANDUNGAN

RANG UNDANG-UNDANG (1985), 1984 (SAMBUNGAN)

USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN 1985

MUKA SURAT

2

34

SELASA, 30HB. OKTOBER, 1984

HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Speaker (Tan Sri Datuk Teh Ewe Lim, P.S.M., D.M.P.N., J.M.N.)
 Yang Amat Berhormat Ketua Menteri (Dr. Lim Chong Eu)
 Yang Berhormat Penasihat Undang-undang Negeri (Encik Mohd. Saari bin Yusuff)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, D.M.P.N., D.J.N.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Penaga (Datuk Haji Hassan bin Haji Md. Noh @ Mat Noor, D.M.P.N., P.J.K.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., P.J.K.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Hj. Omar)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Pinang (Dr. Ong Hean Tee)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Lee Jong Ki, K.M.N.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Mohd. Zain bin Hj. Omar, P.J.K., P.J.M.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Machang Bubuk (Encik Lim Heng Tee, J.P.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Acheh (Tuan Haji Ahmad bin Saleh, P.K.T., A.M.N.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Tasek Gelugor (Tuan Haji Samsuddin @ Md. Noor bin Ahmad, A.M.N., P.K.T., P.J.K.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik Teoh Chung Hor @ Teoh Kooi Sneah, A.M.N., J.P.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Tengah (Encik Liang Thau Sang, P.J.M.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Ajam (Encik Md. Yusof bin Salleh, A.M.N., P.K.T., P.P.N., P.J.M.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Nibong (Dr. Tan Chong Teik, P.J.K.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Teluk Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad, P.P.N., P.J.K., P.J.M., J.P.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Wong Hoong Keat)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Penanti (Tuan Haji Jusoh @ Yusoff Hilmi b. Hj. Shafie, A.M.N., P.K.T., P.J.K., P.J.M.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Song Ban Kheng, P.J.K.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Hj. Md. Isa bin Hj. Ramli), P.J.K.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Tambun (Dr. Khoo Soo Kheng)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat)

TIDAK HADIR:

- Yang Berhormat Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Ngak Seng @ Khor Gark Kim, D.M.P.N.) – (dengan maaf)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh) – [digantung keahliannya di bawah Peraturan Mesyuarat 51(1)]

TURUT HADIR:

- Setiausaha Dewan Undangan Negeri (Encik Wong Hin Fatt, P.J.K., P.J.M.)

Dewan Bersidang semula pada jam 9.35 pagi.

Tuan Speaker:

Dewan sekarang dibuka untuk perbahasan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini.

Tuan Speaker, semasa Ketua Menteri membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan 1984 pada akhir tahun sudah, beliau telah memberitahu Dewan ini bahawa strategi Kerajaan untuk tahun 1984 ialah untuk mengurangkan kesan kuasa-kuasa resesi supaya mempertahankan pertumbuhan sosio-ekonomi dengan mematuhi secara tepat garis-garis panduan langkah jimat-cermat nasional dan dengan menggugurkan sama sekali segala perbelanjaan yang tidak perlu.

Bolehlah dilihat dari beberapa peristiwa bahawa Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri tidak berniat mengamalkan apa yang dilaung-laungkan dan strategi yang disebutkan dalam ucapan belanjawan Ketua Menteri adalah semata-mata untuk *mislead* rakyat Negeri ini.

Walaupun rakyat Negeri ini telah membuat seruan dan rayuan kepada Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri supaya jangan membeli ruang pejabat dalam KOMTAR atas alasan bahawa kita tidak berupaya menanggung kemewahan seperti ini dalam masa resesi sekarang, Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri tidak peduli langsung seruan-seruan ini dan terus meminjam \$50 juta bagi maksud tersebut.

Sudah nyata sekali daripada belanjawan yang telah dibentangkan semalam bahawa akibat kedegilan dan kebodohan Ketua Menteri yang digoda oleh niat untuk memastikan bahawa projek KOMTAR tidak gagal supaya menjaga kesombongan beliau, rakyat Negeri ini terpaksa menderita dengan membayar cukai tambahan dengan cara cukai tanah bertambah bagi tahun hadapan untuk menampungkan hutang yang tidak perlu ini.

Tuan Speaker, untuk belanjawan tahun depan, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri kerana mencatatkan tiga rekod, iaitu:

1. menambahkan hasil Negeri dengan

menambahkan cukai tanpa memperdulikan rakyat miskin yang berjumlah lebih daripada \$100 juta;

2. menambahkan perbelanjaan perbelakalan yang melebihi \$100 juta juga; dan
3. menggunakan, kalau saya tidak silap, 55.5% daripada jumlah hasil Negeri bagi maksud membayar hutang yang menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai juara dalam hal ini.

Saya ucapkan syabas, Tuan Speaker, kerana *Penang leads* — minta izin — Tuan Speaker, *in the repaying of loans. (55.5% of the revenue)* Dalam tahun 1985, bayaran balik hutang telah bertambah kepada \$65,922,550.00 atau 55.5% daripada jumlah hasil yang dianggarkan iaitu \$118,772,280.00. Ini adalah satu pertambahan besar sebanyak \$39,469,810.00 berbanding dengan 1984 di mana hanya 426,452,740.00 dianggar akan digunakan untuk membayar balik hutang. Hakikat ini yang mana Kerajaan Negeri terpaksa menggunakan wang tambahan yang begitu banyak dari hasil tahunannya untuk membayar balik hutang hanya bererti Kerajaan Negeri telah gagal sama sekali dan tidak berkebolehan untuk menguruskan kewangannya oleh kerana tidak sesiapa pun yang mempunyai pengetahuan tentang pengurusan kewangan akan membiarkan keadaan ini merosot sehingga terpaksa menggunakan 55.5% daripada jumlah hasil Negeri untuk membayar balik pokok dan faedah terhadap hutang.

Dalam erti kata yang lain, Tuan Speaker, setiap ringgit yang dipungut sebagai hasil daripada pembayar-pembayar cukai \$0.56 sen akan digunakan untuk membayar balik hutang yang meninggalkan hanya \$0.44 sen untuk perbelanjaan pembangunan dan mengurus. Ini tentulah bererti bahawa pembayar-pembayar cukai tidak menikmati perkhidmatan yang bernilai seringgit bagi setiap ringgit yang dibayar sebagai cukai. Apa yang mereka dapat ialah perkhidmatan yang bernilai \$0.44 sen sahaja bagi setiap ringgit yang dibayar sebagai cukai.

Tuan Speaker, pertambahannya hutang kita dengan kadar sekarang, kita tentu tidak lama lagi akan berada dalam keadaan seperti di Negeri Mexico dan Argentina di mana kita perlu menggunakan 100% hasil kita atau mendapat pinjaman baru untuk membayar balik hutang lama.

Ketua Menteri hendaklah bertanggungjawab penuh atas hutang awam Kerajaan Negeri yang

begitu besar akibat dari pinjaman daripada Kerajaan Pusat dan institusi-institusi kewangan yang sekarang berjumlah \$328,566,620.00 dengan hutang Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang sebanyak \$159,869,181.00 yang menjadi jumlah besar hutang sebanyak hampir setengah billion ringgit. Hutang besar ini diakibatkan oleh perbelanjaan atas projek-projek kemewahan seperti KOMTAR dan Padang Golf Bukit Jambul yang bertujuan mendapat keuntungan politik jangka pendek untuk memenangi pilihanraya.

Ketua Menteri hendaklah juga bertanggungjawab penuh atas cara pentadbiran Kerajaan yang tidak mempedulikan langsung pandangan orang ramai serta berunding dengan mereka sebelum melaksanakan sebarang projek raksaksa seperti terdapat dalam kes pembelian ruang pejabat di KOMTAR yang menjadi sebab utama bertambahnya bayaran balik hutang dengan \$39,469,810.00 berbanding dengan tahun ini.

Tuan Speaker dari pandangan setahu saya, Ketua Menteri tidak pernah menyentuh dalam ucapan-ucapan belanjawan beliau setahu saya tentang bagaimana mengatasi kekurangan belanjawan (*budget deficits*) dan bagaimana menyelesaikan hutang yang begitu besar itu.

Saya telahpun menyebut dalam masa-masa lampau bahawa trend kewangan yang kurang sihat di negeri kita ini tidak boleh dibenarkan berlanjutan lagi dan bahawa tindakan untuk membaiki keadaan ini hendaklah diambil untuk mengatasi keadaan buruk ini. Memandangkan ini, saya mencadangkan supaya Ketua Menteri dengan sertamerta merangkakan satu rancangan dan memberitahunya kepada orang ramai tentang bagaimana Kerajaan Negeri bercadang untuk membayar balik hutang Negeri yang begitu besar itu.

Tuan Speaker, sudah nyata sesuatu yang salah caranya berlaku tentang pengendalian belanjawan oleh Kerajaan Negeri. Saya masih ingat semasa Ketua Menteri membentangkan Belanjawan 1984 tahun dahulu, beliau telah mengatakan bahawa Kerajaan Negeri telah mengurus kewangannya dengan berjaga-jaga dan walaupun didapati kekurangan sejumlah \$3.8 juta bagi tahun 1984, Kerajaan mungkin akan dapat mengseimbangkan belanjawannya pada penghujung tahun ini.

Tuan Speaker, saya ingin menarik perhatian Ketua Menteri kepada hakikat bahawa jauh daripada mengujudkan satu belanjawan yang seimbang, kekurangan belanjawan telah meningkat ke

\$7.1 juta dengan kelulusan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dalam mesyuarat Dewan pada bulan Mei tahun ini di mana Dewan diminta meluluskan wang tambahan sebanyak \$3,292,200.00 untuk menampung belanjawan tahun sudah.

Saya tidak tahu bagaimanakah Y.A.B. Ketua Menteri memperolehi angka kelebihan sebanyak \$7,923,770.00 bagi tahun 1983. Jika seperti dituntut oleh Ketua Menteri bahawa kelebihan adalah sebanyak \$7,923,770.00 seperti disebut dalam ucapan belanjawannya semalam, mengapakah Dewan ini dikemukakan dengan satu Enakmen Bekalan Tambahan dalam bulan Mei tahun ini dengan meminta sejumlah lagi wang sebanyak \$3,292,300.00 yang tidak diperuntukkan bagi tahun 1983, yang membuat jumlah besar anggaran perbelanjaan sebanyak \$68,942,300.00? Ini menunjukkan setakat mana Kerajaan Negeri telah silap dan salah dalam mengendalikan belanjawannya ataupun Kerajaan Negeri sekali lagi cuba *mislead* Dewan dan rakyat Negeri ini.

Tuan Speaker, sepertimana saya katakan tadi, belanjawan tahun 1985 telah mencatatkan satu rekod pertambahan hasil yang dianggarkan sebanyak \$45,651,360.00 berbanding dengan belanjawan tahun 1984. Jumlah hasil yang dianggarkan akan dipungut dalam 1985 adalah \$118,772,280.00 dan pengkajian dekat menunjukkan bahawa pertambahan ini dapat diperolehi dari tiga punca sahaja:

1. sewa tanah;
2. lesen-lesen dan permit-permit bagi keluaran bahan-bahan batu; dan
3. premium tanah/pemberian hakmilik

Dengan bertambahnya hasil, kita mengharapkan perkhidmatan yang lebih baik dan pembangunan bagi tahun depan untuk kepentingan pembayar-pembayar cukai yang dengan membayar kadar cukai tanah pertambahan baru telah menyumbang kepada pertambahan ini. Tetapi malangnya, ini bukanlah apa yang akan berlaku kerana pertambahan hasil yang berpunca dari tiga sumber itu. Pertambahan hasil dari sumber cukai tanah ialah \$12 juta, iaitu dari \$9 juta tahun ini ke \$21 juta tahun depan. Pertambahan ini adalah semata-mata untuk menampung pembayaran balik hutang dan bukan untuk faedah pembayar-pembayar cukai.

Tuan Speaker, Parti DAP menentang sama sekali kenaikan cukai tanah, dan mengutuk Kerajaan Negeri kerana mencari jalan keluar yang

mudah untuk menambahkan hasil Negeri melalui kenaikan cukai tanah yang membebankan lagi rakyat.

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri tidak sepatutnya mencari jalan senang dengan mengenakan cukai lagi atas rakyat tetapi hendaklah mencari jalan-jalan lain yang baru untuk meninggikan hasil Negeri atau meminta Kerajaan Pusat memberi wang atau pemberian yang lebih banyak. Kalau ini juga tidak boleh dilakukan, maka semua perbelanjaan yang tidak berguna atas projek-projek kemewahan hendaklah dipotong atau dibatalkan sama sekali.

Tuan Speaker, pengenalan cukai tambahan yang baru lagi atas rakyat tidak boleh dijadikan sebagai satu sumber untuk menambahkan hasil Negeri. Saya menyeru Kerajaan Negeri dan Ketua Menteri supaya jangan membebankan lagi rakyat dengan mengenakan cukai baru dan meminta supaya langkah terbaru untuk menaikkan cukai tanah dikaji semula dengan serious.

Tuan Speaker, satu lagi sumber penting yang telah meningkatkan lagi hasil untuk tahun depan adalah melalui premium tanah — pemberian hak-milik yang berjumlah \$31,820,000.00 — satu tambahan besar sebanyak \$27,420,000.00 berbanding dengan hanya \$4,400,000.00 bagi 1984.

Tentang pengambilan dan pemberian tanah, Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri telah melakukan jenayah yang paling mengerikan terhadap rakyat Negeri ini yang tidak boleh dimaafkan langsung dengan menggunakan kuasa-kuasa Negeri di bawah Akta Pengambilan Tanah untuk membeku dan mengambil tanah secara wajib dari rakyat atas nama pembangunan dan kini pula atas nama *parcellation* tanah-tanah ini diberikan kepada pemaju-pemaju swasta, yang membawa keuntungan kepada Kerajaan.

Teknik untuk menambahkan hasil Negeri tanpa menghiraukan kepentingan rakyat adalah satu perbuatan yang sangat keji bagi Ketua Menteri dan merupakan rompakan siang oleh Kerajaan Negeri. Contoh yang jelas dan klasik tentang penyalahgunaan kuasa dan rompakan siang rakyat oleh Kerajaan Negeri ialah sebidang tanah dalam kawasan pembangunan KOMTAR sepanjang sebahagian Jalan Magazine dan Jalan Gladstone. Atas nama pembangunan, Kerajaan Negeri telah secara keras dan wajib mengambil tanah dan rumah-rumah di atasnya dengan kadar bayaran yang rendah. Tindakan ini telah memaksa penduduk-penduduk yang terlibat itu meninggalkan tempat

perlindungan mereka yang mereka telah menggunakan selama beberapa generasi. Selepas mengambil tanah itu dan selepas beberapa tahun, baru-baru ini Kerajaan Negeri telah memberikan tanah tersebut dengan harga \$7.5 juta kepada sebuah syarikat swasta untuk membina sebuah hotel. Dan akibat urusan ini, Kerajaan Negeri dengan senang sahaja telah memperolehi keuntungan sebanyak sekurang-kurangnya \$5 juta.

Teknik seumpama ini yang digunakan oleh Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri untuk menambahkan hasil tanpa mempedulikan penderitaan rakyat sangat mengesalkan dan tidak boleh dimaafkan. Sebagai menyakitkan hati lagi, hasil yang diperolehi dengan teknik seumpama ini tidak akan digunakan untuk memberi faedah kepada rakyat tetapi untuk membayar balik hutang atas pinjaman yang dibuat oleh Ketua Menteri bagi membiayai projek-projek kemewahan seperti pembelian ruang pejabat dalam KOMTAR yang kita tidak memerlukannya.

Saya menyeru Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri memberhentikan dengan serta-merta penyalahgunaan kuasanya dan apa saja keuntungan yang telah diperolehi melalui urusan ini seperti ini hendaklah dikembalikan kepada rakyat.

Tuan Speaker, di bawah Kepala Bekalan 1 — Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan dan bahagian-bahagian berkenaan peruntukan-peruntukan kepada Dewan Undangan Negeri dari Kod 1100 ke 3300 — Dewan Undangan Negeri telah diperuntukkan dengan sejumlah wang \$1,187,400.00 bagi Perkhidmatan tahun 1985.

Di bawah Kod ini setiap seorang kita di sini mempunyai kepentingan kewangan kerana elaun-elaun kita adalah dibayar daripada peruntukan tersebut dan orang-orang awam yang menyumbangkan kepada elaun-elaun itu sama ada secara cukai langsung atau tidak langsung adalah mempunyai hak untuk mengetahui bagaimanakah wang-wang tersebut dibelanjakan.

Di sini saya ingin mengutamakan perkara-perkara yang tidak memuaskan berkaitan dengan Dewan Undangan Negeri dan saya ingin juga memberi beberapa cadangan.

Daripada Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi adalah dinyatakan bahawa satu daripada fungsi-fungsi Dewan Undangan Negeri ini ialah untuk mengemukakan dengan secepat mungkin Minit-minit Mesyuarat serta Penyata-penyata Rasmi selepas tiap-tiap mesyuarat.

Tuan Speaker, dalam 2½ tahun menjalankan tugas sebagai seorang Ahli Dewan Undangan ini, dan juga telah hadir bagi kali kelapan mesyuarat di Dewan Undangan ini, saya sehingga kini masih belum dapat melihat Penyata Rasmi tiap-tiap mesyuarat. Seperti saya nyatakan, mengikut Peraturan-peraturan Dewan Undangan Negeri No. 19, sesalinan Penyata Rasmi (Hansard) hendaklah disediakan dan hendaklah dihantar kepada tiap-tiap ahli dengan seberapa segera setelah selesai mesyuarat itu. Tetapi adalah amat kesalnya peruntukan ini tidak diikuti dengan rapinya oleh Dewan Undangan Negeri ini. Tentulah tidak boleh mengambil tempoh selama 2½ tahun untuk mendapat sesuatu penyata rasmi bagi setiap mesyuarat diterbitkan. Saya bercadang bahawa Jawatankuasa Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat ini memindaikan peraturan Majlis Mesyuarat ini supaya menetapkan suatu tempoh masa bagi Penyata Rasmi tiap-tiap Mesyuarat disiapkan dan diedarkan kepada Ahli-ahli Dewan ini. Penyata Rasmi ini memang boleh membantu dengan besarnya setiap Ahli di sini dan juga akan membolehkan Ahli-ahli Dewan ini menjalankan tugas-tugas mereka di Dewan ini dengan lebih baik. Saya harap kekurangan-kekurangan yang tidak memuaskan ini akan dibetulkan dengan segeranya.

Tuan Speaker, dalam ucapan belanjawannya semalam, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri memperuntukkan sejumlah wang sebanyak \$1,284,800.00 sahaja kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan daripada ini sejumlah \$340,000.00 adalah diperuntukkan di bawah Kod 4100(2) yang menunjukkan hanya kelebihan minima sebanyak \$140,000.00 bila dibandingkan dengan peruntukan tahun 1984. Quantum kelebihan ini bila dibandingkan dengan kelebihan yang diperuntukkan kepada Jabatan-jabatan lain adalah tidak berkenaan seperti apa Yang Amat Berhormat Ketua Menteri menghuraikannya.

Jabatan Kebajikan Masyarakat selalunya dilayankan seperti seorang anak tiri dan biasanya menerima hadiah sokongan yang terkecil sekali daripada Kerajaan Negeri. Sebenarnya Jabatan-jabatan lain seperti yang menguruskan kebun-kebun bunga dan yang menjaga kedai-kedai tuak menerima layanan yang lebih baik bukan sahaja dari segi peruntukan kewangan tetapi juga dari segi tenaga manusia untuk mempertahankan fungsi-fungsi jabatan yang berlainan. Misalnya kini hanya ada 38 ahli daripada pekerja-pekerja yang berkhidmat di Jabatan Kebajikan Masyarakat sedangkan ada 40 ahli pekerja di jabatan yang menjaga Kedai Tuak dan 105 ahli pekerja yang diupah oleh jabatan yang menjaga kebun-kebun bunga di Pulau Pinang.

Jika Kerajaan Negeri ada menjalankan senarai keutamaan-keutamaannya dengan betul, Jabatan Kebajikan Masyarakat perlu diberi peruntukan yang lebih tinggi. Kelebihan sepuluh kali ganda tentunya lebih sesuai memandangkan aduan-aduan banyak diterima yang menunjukkan bahawa keperluan Jabatan Kebajikan Masyarakat terlalu bawah atau keperluan yang diharapkan untuk menguruskan fungsi-fungsi harian dengan seberapa licin yang boleh.

Terdapat kelebihan sebanyak \$133,300.00 dalam belanjawan ini jika dibandingkan dengan tahun 1984. Kelebihan tersebut adalah terlalu sedikit memandangkan kos tinggi keperluan penting bagi kegiatan-kegiatan kebajikan sosial. Dalam hubungan ini, saya mencadangkan supaya satu peruntukan yang lebih besar diluluskan untuk menjadikan bantuan yang diberikan kepada keperluan kebajikan sosial lebih bermakna.

Tuan Speaker, Kerajaan telah dipilih oleh rakyat dan bertanggungjawab kepada rakyat dan oleh yang demikian, Kerajaan hendaklah menerima prinsip akauntabiliti awam yang maha penting demi kepentingan rakyat biasa.

Menurut Ketua Audit Negara, Tan Sri Ahmad Nordin Haji Zakaria, belanjawan yang dibentangkan setiap tahun tidaklah begitu bererti kerana ia hanya memberitahu Dewan apa Kerajaan Negeri ingin membuat pada tahun yang akan datang. Belanjawan yang dibentangkan hanya memberitahu Dewan dan rakyat jelata bahawa Kerajaan Negeri melalui berbagai jabatannya telah berjanji akan melakukan sesuatu dengan jumlah wang tertentu tetapi sama ada apa yang dijanjikan itu akan ditunaikan atau tidak, tidak diketahui. Oleh yang demikian, apa yang sebenarnya berlaku hanya boleh diketahui melalui kira-kiranya dan bukan belanjawan. Memandangkan ini, adalah perlu untuk Kerajaan Negeri memberikan rakyat kira-kiranya yang sempurna. Pembentangan belanjawan bukanlah bererti akauntabiliti awam ujud.

Berhubung dengan soal ini, Jawatankuasa Kira-kira Awam Dewan ini menjadi alat penting mengawal penyalahgunaan wang awam tetapi malangnya Jawatankuasa Kira-kira Awam yang sedia ada telah gagal menjalankan tugasnya. Saya rasa masanya sudah sampai bagi kedua-dua Dewan ini dan Majlis Mesyuarat Kerajaan untuk mengulangkaji dan menimbang semula adakah yang kita harap daripada Jawatankuasa Kira-kira Awam.

Seperti berlaku selama ini, Jawatankuasa Kira-kira Awam Negeri ditubuhkan untuk menu-

naikan kehendak Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan ini. Sehingga sekarang Jawatankuasa ini telah gagal untuk memainkan peranan pentingnya sebagai pengawas yang berkesan dan membina atas berjuta-juta ringgit wang awam. Jawatankuasa ini juga telah gagal untuk membuat sebarang sumbangan (*impact*) untuk memastikan mutu akauntabiliti awam Kerajaan dalam mengurus, mengendali dan membelanjakan wang awam yang lebih tinggi.

Dari peninjauan saya sebagai Ahli Jawatankuasa Kira-kira Awam selama lebih dua penggal yang lalu, saya rasa Jawatankuasa ini telah tidak berkesan dan agak lemah. Ia hanya berupaya memeriksa dan menyoal tentang kira-kira yang lapuk dan berurusan dengan bayang-bayang dan hantu pegawai-pegawai Kerajaan yang telah memperkosa *propriety* kewangan atau salah mengurus wang awam, tetapi yang telah meninggalkan perkhidmatan awam atau pun telah bersara daripada perkhidmatan Kerajaan. Pegawai-pegawai Kerajaan apabila disoal selalunya menjawab bahawa apa yang berlaku adalah sebelum mereka memegang jawatan itu dan oleh yang demikian, mereka tidak bertanggungjawab atas kesalahan-kesalahan yang berlaku pada masa lampau dalam Jabatan mereka.

Apa yang menjadi lebih buruk ialah apabila Jawatankuasa Kira-kira Awam ini menerbit dan membentangkan laporannya, ia begitu ketinggalan zaman sehingga tiada sesiapa pun termasuk Dewan ini, peduli atau berminat tentang laporan Jawatankuasa Kira-kira Awam. Dan ini menjadikan seluruh perjalanannya suatu usaha yang tidak bermakna dan juga suatu pembaziran wang awam untuk bertungkus-lumus atas kira-kira lapuk Kerajaan. Misalnya Jawatankuasa Kira-kira Awam baru sahaja tamat memeriksa Laporan Ketua Audit Negara bagi 1979 dan Jawatankuasa ini baru sahaja mula dengan pemeriksaan atas sebahagian daripada Laporan Ketua Audit Negara tahun 1980 yang sudah pun lima tahun kebelakangan.

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri telah berjanji akan lebih *accountable* kepada rakyat. Saya masih boleh ingat kata-kata Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dalam Dewan ini pada satu ketika dahulu bahawa Kerajaan Negeri bertanggungjawab dan *accountable* kepada rakyat dengan membentangkan belanjawan setiap tahun dan juga perbekalan tambahan serta anggaran pembangunan. Tetapi saya ingin mengingatkan di sini bahawa pembentangan belanjawan atau anggaran perbekalan atau anggaran pembangunan dengan sendirinya bukanlah menjadi *accountability* awam. Apa yang patut

dilakukan ialah pemberitahuan awam sebenarnya tentang penggunaan dan pengurusan wang awam. Inilah apa yang dimaksudkan sebagai *accountability* awam. Di sinilah Jawatankuasa Kira-kira Awam boleh memainkan peranannya tetapi sistem dan falsafah Jawatankuasa Kira-kira Awam hari ini tidak memastikan *accountability* awam yang lebih gigih atas wang awam. Malah, ia membantu untuk mengelak *accountability* awam dengan bertungkus-lumus atas kira-kira lapuk dan juga mengejar bayang-bayang dan hantu kakitangan Kerajaan yang bertanggungjawab atas salah mengurus dan salah penggunaan wang awam.

Tuan Speaker, jika kita mahukan *accountability* awam yang sebenarnya dan bermakna atas penggunaan dan pengurusan wang awam, maka falsafah Jawatankuasa Kira-kira Awam sekarang perlu diubah. Kita memerlukan sebuah Jawatankuasa Kira-kira Awam yang agresif dan kuat yang akan meninggalkan kira-kira lapuk dan fail-fail yang berhabuk dan terus menerus serta mengambil bahagian cergas dalam proses semasa tentang penyelenggaraan dan pemastian taraf yang tinggi dalam pengendalian wang awam oleh pegawai-pegawai awam dan bukan mereka yang sudah pun meletakkan jawatan atau pun bersara.

Sebenarnya perjalanan Jawatankuasa Kira-kira Awam hendaklah terbuka kepada orang ramai dan pihak akhbar supaya dapat melahirkan satu kesedaran di kalangan rakyat tentang bagaimana wang mereka diurus dan dibelanjakan oleh Kerajaan. Sebenarnya, Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan ini mengenai Jawatankuasa Kira-kira Awam memperuntukkan penubuhan sebuah Jawatankuasa Kira-kira Awam yang boleh mengambil bahagian cergas dan bermakna dalam proses memastikan taraf yang tinggi dalam pengurusan wang awam dan juga *accountability* dan bukan hanya menyiasat tentang apa yang sudah menjadi sejarah. Peraturan-peraturan Mesyuarat juga membenarkan Jawatankuasa menyiasat tentang perkara-perkara kewangan semasa Negeri ini.

Peraturan-peraturan Mesyuarat 109 A(1) memperuntukkan empat bidang kuasa bagi Jawatankuasa Kira-kira Awam yang berbunyi:

“Dengan tidak menyalahi Peraturan Majlis Mesyuarat 109, sebuah Jawatankuasa Tetap hendaklah diadakan dan Jawatankuasa ini haruslah dinamakan Jawatankuasa Kira-kira Kerajaan untuk memeriksa —

- (a) kira-kira Negeri Pulau Pinang dan peruntukan wang-wang yang dibenarkan oleh Dewan bagi menemui perbelan-

jaan awam;

- (b) kira-kira pihak-pihak berkuasa awam dan badan-badan lain yang mentadbirkan kumpulan wang awam iaitu yang dibentangkan kepada Dewan;
- (c) laporan-laporan Juru Audit Negara yang dibentangkan kepada Dewan menurut Artikul 107 dalam Perlembagaan Persekutuan;
- (d) lain-lain perkara yang dirujuk oleh Dewan kepada Jawatankuasa itu.

Tuan Speaker, sehingga kini, Jawatankuasa Kira-kira Awam menghadkan dirinya kepada hanya salah satu daripada empat bidang kuasa yang saya sebutkan tadi, iaitu mengenai laporan-laporan Ketua Audit Negara yang dibentangkan dalam Dewan menurut Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan. Ini menghadkan Jawatankuasa Kira-kira Awam kepada memeriksa dan menyiasat akaun-akaun lapuk, fail-fail berhabuk dan bayang-bayang bekas kakitangan Kerajaan bila mana ia sepatutnya mengurus perkara-perkara kewangan semasa seperti mana dibenarkan di bawah tiga bidang kuasa lain dalam Peraturan Mesyuarat Dewan yang tentu akan menjadikan kerja Jawatankuasa Kira-kira Awam lebih bermakna dan kena pada tempatnya berbanding dengan apa yang selama ini dilakukan.

Jika ditinjau bidang kuasa Jawatankuasa ini, ia akan menunjukkan bahawa kuasa-kuasa Jawatankuasa ini, adalah lebih luas dalam bentuk berbanding dengan kuasa-kuasa Ketua Audit Negara dan Jawatankuasa ini tidak perlu menunggu laporan-laporan Ketua Audit Negara sebelum menjalankan pemeriksaan atas akaun-akaun dan perbelanjaan wang awam. Jika dipandang dari segi bidang kuasa Jawatankuasa ini dalam Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan, Jawatankuasa ini berkuasa untuk menjadi suatu badan pengawas yang cergas, agresif, kena pada tempatnya dan bermakna atas wang awam. Tetapi apa yang diperlukan ialah suatu perubahan dalam falsafah Jawatankuasa Kira-kira Awam.

Demi kepentingan melindungi kepentingan awam dan wang awam dari diboroskan oleh kakitangan Kerajaan yang tidak bertanggungjawab dan untuk mengelakkan sebarang percubaan untuk membiarkan Kerajaan salah mengurus dan salah menggunakan wang awam, Ketua Pembangkang Dewan ini haruslah mengetuai Jawatankuasa yang penting ini. Inilah apa yang akan dilakukan oleh sebuah Kerajaan yang jujur dan ikhlas jika ia tidak takut kerana dibongkar kelemahan-kelemahan

dalam pengurusan kewangan yang diperuntukkan oleh Dewan ini. Sebenarnya dalam sebahagian besar Parlimen-parlimen Komanwel, pemimpin utama dari pihak pembangkang dilantik untuk menyandang jawatan pengerusi, Jawatankuasa-jawatankuasa Kira-kira Awam.

Dengan perantaraan Ketua Pembangkang sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Awam Dewan ini, ia akan menjadikan Jawatankuasa ini lebih bermakna sebagai badan yang meneliti penyalahgunaan wang awam oleh pihak eksekutif. Ahli-ahli Dewan ini boleh terdiri daripada parti pemerintah dan juga pembangkang, tetapi apa yang penting ialah bahawa kebijakan dan kepentingan rakyat hendaklah diperlindungi pada bila-bila masa sahaja. Saya harap Ketua Menteri boleh melakukan sesuatu untuk memberi kesan baik kepada cadangan saya ini.

Tuan Speaker, dalam Rang Undang-undang Perbekalan 1985, didapati bahawa Dewan diminta meluluskan lebih \$14 juta atau 26% daripada jumlah wang yang diminta dilulus untuk kegiatan Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan termasuklah gaji dan lain-lain emolument. Dalam meluluskan permintaan itu, kita haruslah menyemak semula peranan yang telah dimainkan oleh Ketua Menteri selama ini untuk bukan sahaja membangunkan Negeri ini tetapi juga mempertahankan dan memelihara hak rakyat Negeri ini dari segi politik dalam sesebuah demokrasi berparlimen.

Tuan Speaker, tugas dan tanggungjawab seseorang Ketua Menteri bukanlah semata-mata tentang perkhidmatan dan kerja-kerja pembangunan fizikal dalam Negeri ini tetapi apa yang menjadi lebih penting ialah tugas beliau untuk mempertahankan hak-hak pelajaran, kebudayaan, ugama dan politik rakyat seperti termaktub dan dijamin dalam Perlembagaan Negara kita. Yang Amat Berhormat Ketua Menteri sebenarnya telah menggunakan aspek pembangunan fizikal Negeri ini untuk menyembunyi kegagalan beliau untuk mempertahankan hak-hak rakyat Negeri ini.

Tuan Speaker, sejarah politik Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, Dr. Lim Chong Eu, adalah penuh dengan *sell out* dan pengkhianatan politik rakyat Negeri ini. Sejak beliau dan partinya merampas kuasa selepas memenangi pilihanraya tahun 1969 atas tiket pembangkang, beliau secara berterus-terusan menjual hak-hak politik rakyat bukan Melayu dalam Negeri ini. Beliau telah mengkhianati rakyat yang telah mengundinya untuk mendapat kuasa dalam Negeri ini di bawah panji-

panji pembangkang, dengan menubuhkan Kerajaan Campuran dengan UMNO dan kemudian menubuhkan Barisan Nasional. Beliau telah secara perlahan-lahan menyerahkan segala kuasa politik orang-orang bukan Melayu dalam Negeri ini kepada UMNO.

Semasa Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan parti Gerakannya diberi mandat untuk memerintah Negeri ini dalam tahun 1969, Pulau Pinang mempunyai 14 kerusi Dewan Undangan Negeri manakala Seberang Perai mempunyai 10 kerusi. Dari jumlah 24 kerusi Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang terdapat (gangguan).

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Hj. Adnan @ Md. Isa bin Hj. Ramli):

Tuan Speaker, beliau boleh bercakap tajuk lain. Duduk dulu, saya hendak bagi penjelasan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Apa? I have the right of way. What do you want?

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Hj. Adnan @ Md. Isa bin Hj. Ramli):

Sit down.

Tuan Speaker:

Are you giving him way? Mengikut Peraturan (gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

You want right of way? You want Standing Orders? What do you want? If you want right of way, there is no right of way. Saya tidak bagi jalan. Duduk.

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat, jika apa yang hendak dibawa tidak bersangkut, saya berharap tidak payahlah bawa.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, dalam Anggaran Pembangunan Perbekalan ada dinyatakan tentang elaun dan gaji bagi beliau. Saya soalkan tugasnya kepada rakyat. Oleh itu perkara ini ada kaitan.

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Hj. Adnan @ Md. Isa bin Hj. Ramli):

Jika tidak ada sangkut-paut, Yang Ber-

hormat boleh berenti sebab ada orang lain hendak bercakap.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Kita ada di sini untuk membahaskan berkenaan dengan permintaan untuk gaji beliau.

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Hj. Adnan @ Md. Isa bin Hj. Ramli):

Bukan, ini tuduhan-tuduhan kepada pegawai-pegawai. Tidak patut.

Tuan Speaker:

Saya berharap Ahli Yang Berhormat Pengkalan Kota boleh membawa perkara yang bersangkutan dengan Rang Undang-undang ini. Apa Yang Berhormat bawa tadi nampaknya semacam *election campaign*. Janganlah gunakan Dewan ini untuk tujuan tersebut.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, apa yang saya bangkitkan ada kaitan dengan tugas Ketua Menteri.

Tuan Speaker:

Jika tidak bersangkutan, jangan dibawa.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Adakah ini bersangkutan atau tidak? Ada bersangkutan, bukan?

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Hj. Adnan @ Md. Isa bin Hj. Ramli):

Tidak bersangkutan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Semasa Yang Amat Berhormat dan partinya Gerakan diberi mandat (gangguan).

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat, janganlah bawa.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, macam mana mahu bahas jikalau kita tidak boleh soalkan tugas Ketua Menteri?

Tuan Speaker:

Saya bukan tidak benarkan. Boleh, tetapi

nesti bersangkutan dengan Rang Undang-undang.

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Hj. Adnan @ Md. Isa bin Hj. Ramli):

Tuan Speaker, masa sekarang adalah masa untuk membahaskan masalah belanjawan, bukan masalah parti.

Tuan Speaker:

, Sila duduk.

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Hj. Adnan @ Md. Isa bin Hj. Ramli):

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya bangun di sini untuk mengambil kesempatan untuk membahaskan dan menyokong belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, Dr. Lim Chong Eu, petang semalam sebanyak \$55,166,200.00 yang mana belanjawan ini adalah belanjawan yang paling adil dan baik sekali untuk dibelanjakan di Negeri ini pada tahun ini.

Tuan Speaker, saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang, Dr. Lim Chong Eu, dan pegawai-pegawainya serta kakitangan-kakitangan yang telah berjaya mengawal perbelanjaan dan menjimatkan wang Negeri walaupun di zaman kemelesetan dan dengan ini telah mendapat kerjasama dan koordinasi pegawai-pegawai dan saya sungguh menghormati dan menyanjung tinggi.

Pada mulanya saya tidak berniat untuk bercakap dan mengambil bahagian pada hari ini, tetapi dengan keadaan yang berlaku yang mana ahli-ahli pembangkang yang sudah pun hilang telah membuat tuduhan yang tidak patut terhadap pegawai-pegawai walaupun mereka telah bekerjasama dan memberi koordinasi yang baik untuk mempertingkatkan dan mengemaskinikan perbelanjaan dan pentadbiran Negeri ini, saya rasa tidak patutlah kita menuduh mereka sebagai hantu dan sebagainya.

Tuan Speaker, pada saya, belanjawan yang telah dibentangkan ini adalah belanjawan yang boleh dipanggil belanjawan berjimat-cermat. Segala perbelanjaan adalah maksima.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat wakil Pengkalan Kota tidak mahu menghadapi kenyataan dan tidak mahu mengakui kebenaran serta tidak tahu keadaan zaman ini yang mana beliau sendiri menjadi Ahli Jawatankuasa Kira-kira Awam Negeri dan sepatutnyalah beliau

mempunyai tanggungjawab membetulkan perkara yang tidak betul, menegurkan perkara yang patut ditegur, bukan untuk mentohmah atau pun menuduh yang bukan-bukan. Inilah menjadi dasar pembangkang yang tidak pernah melihat yang elok. Mereka tidak memahami hasrat Kerajaan hendak mempertingkatkan kemajuan rakyat. Mereka cuma tahu mentohmah atau pun menuduh yang bukan-bukan.

Tuan Speaker, kerjasama dan tanggungjawab pegawai-pegawai Kerajaan untuk menjayakan kemajuan Negeri ini adalah dialu-alukan dan disanjung tinggi. Tuan Speaker, saya cuma mengharapkan pegawai-pegawai Kerajaan dapat mempertingkatkan prestasi dan bekerja dengan lebih keras lagi terutama sekali untuk memungut balik cukai-cukai yang belum dibayar dan saya berharap kepada Kerajaan untuk bertindak dengan tegas terhadap tuan-tuan punya tanah atau pemilik-pemilik tanah yang enggan membayar cukai kerana hasil pembayaran cukai adalah untuk dibelanjakan bagi kepentingan rakyat. Saya mengalu-alukan kenyataan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri untuk bersikap tegas terhadap tuan-tuan tanah yang enggan membayar cukai. Kerajinan pegawai-pegawai menjalankan tugas, saya tidak nafikan, cuma saya mahu mereka tingkatan lagi yang mana kerja-kerja hendaklah dibuat dengan perasaan bertanggungjawab tanpa tekanan atau pun paksaan oleh orang-orang yang berkenaan kerana tanggungjawab dan pertolongan pegawai adalah perlu. Kita tidak mahu pegawai-pegawai yang menjadi seperti pahat dengan pemukul — diarah baru dibuat kalau tidak diarah, bukan kerja saya, kerja orang lain. Itu yang kita tidak mahu. Kita pegawai-pegawai bertanggungjawab yang mana menjadi dasar Kerajaan untuk membantu mereka-mereka yang perlu ditolong. Ini adalah dasar Kerajaan Negeri Pulau Pinang sepertimana yang diucapkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri semalam.

Jadi, Tuan Speaker, saya lagi sekali berharap kepada Kerajaan Negeri supaya mem-banyakkan perbelanjaan atau menambahkan perbelanjaan kepada sumbangan dan pemberian subsidi Pihak Kerajaan Tempatan, Badan-badan Berkanun dan kumpulan wang yang diperuntukkan sebanyak \$3,150,000.00 diperbanyakkan kerana ini boleh menolong terutama sekali Kerajaan Tempatan untuk mempertingkatkan taraf hidup rakyat yang mana pihak Kerajaan Tempatan baru-baru ini telah mengempenkan tembak gagak — seekor gagak dibayar \$1.50. Kita tidak dapat menafikan bahawa gagak-gagak ini membuat kotor. Selain daripada gagak pun boleh buat kotor juga dan mungkin kita dapat membuktikan bahawa gagak

ini membuat kotor kerana memberakkan rumah-rumah batu atau pun di atas bumbong-bumbong Mercedes — ini kotor di dalam pekan — tetapi kita mesti juga menoleh ke kawasan-kawasan luar bandar, di kawasan-kawasan pertanian yang mana tikus bermaharajalela merosakkan padi. Saya minta Kerajaan mempertimbangkan untuk membunuh tikus-tikus juga kerana ini adalah untuk menolong paktani-paktani. Jika dalam kempen gagal boleh dibayar \$1.50 seekor, bagaimana dengan masalah tikus? Perkara ini juga mesti dipertimbangkan demi kepentingan pedagang-peladang dan paktani-paktani di luar bandar yang sentiasa berada di dalam kesedihan. Begitu juga dengan kawasan-kawasan yang patut disegerakan demi untuk kebaikan rakyat.

Oleh itu, Tuan Speaker, saya lagi sekali menyokong belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat untuk diluluskan.

Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo):

Tuan Speaker, saya ingin mengambil bahagian dalam perbincangan Belanjawan Negeri Tahun 1985. Tentang perbelanjaan yang diperuntukkan oleh undang-undang di bawah Anggaran Hasil dan Perbelanjaan, ingin saya mengemukakan pandangan saya selepas mengkaji dan menganalisisnya.

Terlebih dahulu, saya rasa gembira kerana *revenue* bagi tahun depan telah bertambah. Perkara ini sangat menggalakkan. Akan tetapi, sekiranya kajian sedang dibuat, kita akan menyedari tentang beberapa aspek kelemahan dalam Anggaran Hasil dan Perbelanjaan.

Bagi tahun 1985, jumlah hasil di bawah Belanjawan Negeri ialah \$118,772,280.00 manakala jumlah perbelanjaan ialah \$123,397,360.00. Maka defisit ialah \$4,625,080.00. Ini bermakna angka defisit bagi tahun 1985 cuma melebihi tahun 1984 sebanyak \$219,550.00. Memandangkan Negeri kita masih mengalami kemelesetan ekonomi, tambahan defisit tidak dapat kita persalahkan.

Tuan Speaker, jumlah hasil bagi tahun 1985 ialah \$118,772,280.00. Jika kita bandingkan dengan hasil tahun 1984, yang berjumlah \$73,120,920.00, maka Negeri kita mendapat lebihan sebanyak \$45,651,360.00 atau 62%. Sungguhpun kita mencapai lebihan yang banyak, tetapi kita masih mengalami defisit sebanyak \$4,625,080.00. Di manakah letaknya kelemahan?

Tuan Speaker, jumlah perbelanjaan di bawah Belanjawan Negeri tahun 1985 berjumlah \$123,397,360.00; di manakah ia dibelanjakan? Perbelanjaan adalah dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu, jumlah perbelanjaan yang telah diperuntukkan oleh Undang-undang Perbekalan. Kedua-dua jenis perbelanjaan berjumlah an. Kedua-dua jenis perbelanjaan berjumlah \$68,231,160.00 atau 55% dari jumlah besar perbelanjaan dan \$55,166,200.00 atau 45% masing-masing.

Jika kita bandingkan perbelanjaan yang telah dipertentukan bagi tahun 1985 sebanyak \$68,231,160.00 dengan jumlah perbelanjaan bagi tahun 1984 sebanyak \$77,526,450.00, maka boleh dikatakan perbelanjaan yang telah dipertentukan bagi tahun 1985 adalah merupakan 88% dari jumlah perbelanjaan bagi tahun 1984. Jika perbelanjaan yang telah dipertentukan bagi tahun 1984 dan tahun 1985 dibandingkan, iaitu \$28,515,750.00 dan \$68,231,160.00 masing-masing, maka perbelanjaan tahun 1985 adalah melebihi tahun 1984 sebanyak 239%. Tuan Speaker, jika jumlah besar perbelanjaan bagi 1984 dan 1985 dibandingkan, iaitu \$77,526,450.00 dan \$123,397,360.00 masing-masing, maka jumlah perbelanjaan bagi tahun depan adalah melebihi tahun ini sebanyak \$45,870,910.00 atau 59%.

Tuan Speaker, dari jumlah perbelanjaan yang telah dipertentukan bagi tahun 1985 sebanyak \$68,231,160.00, Pejabat Kewangan Negeri akan membelanjakan sebagai tiga jenis bayaran sebanyak \$53,685,060.00, atau bersamaan dengan 94% dari jumlah perbelanjaan yang diperuntukkan oleh Undang-undang Perbekalan Tahun 1985, sebanyak \$55,166,200.00.

Tiga jenis bayaran yang dikeluarkan oleh Pejabat Kewangan Negeri ialah:-

- (i) membayar balik kepada Kerajaan Pusat sebanyak \$16,275,000.00 sebagai penjelasan hutang kepada tuan-punya tanah di tapak KOMTAR;
- (ii) memberi pinjaman kepada P.D.C. sebanyak \$10,410,060.00 untuk pembinaan rumah kos rendah; dan
- (iii) membeli ruang pejabat di KOMTAR untuk kegunaan pejabat-pejabat Kerajaan Negeri sebanyak \$27 juta.

Tuan Speaker, jumlah perbelanjaan yang diperuntukkan oleh Undang-undang Perbekalan 1985, sebanyak \$55,166,200.00 adalah untuk memberi peruntukan kepada 14 jabatan Kerajaan.

Dari angka ini, \$14,759,400.00 adalah diperuntukkan bagi Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan.

Mesyuarat MMK. di bawah Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan telah meluluskan tiga jenis perbelanjaan iaitu:-

- (i) menambahkan elaun Ahli-ahli MMK, Kod 1200, dari \$282,660.00 pada tahun 1984 sehingga \$439,200.00 bagi tahun depan atau bersamaan dengan penambahan sebanyak 55%;
- (ii) membayar elaun petrol bagi mesyuarat MMK atau Ahli-ahli MMK (Kod 277) sebanyak \$172,000.00; dan
- (iii) mesyuarat MMK meluluskan perbelanjaan sebanyak \$500,000.00 untuk membeli kereta baru bagi Ahli-ahli MMK.

Tuan Speaker, perbelanjaan-perbelanjaan besar dari jumlah perbelanjaan yang telah diper-tentukan dan jumlah perbelanjaan yang diper-untukkan oleh Undang-undang Bekalan, kecuali pembayaran-balik kepada Kerajaan Pusat sebagai penjelasan hutang kepada tuan-punya tanah di tapak KOMTAR. Adakah pemberian pinjaman kepada P.D.C. untuk skim pembinaan rumah kos rendah mencerminkan skim perumahannya telah gagal? Memandangkan P.D.C. telah membina dan menjual banyak rumah kos rendah, sepatutnya P.D.C. sudah mempunyai modal yang cukup tanpa meminjam dari Kerajaan Negeri. Maka adakah pinjaman sebanyak \$10,410,000.00 ini diperlu-kan? Sungguhpun P.D.C. ada menyediakan laporan bagi tahun 1983, tetapi dalam laporan ini, kita cuma diberitahu P.D.C. telah melabur sebanyak \$15,966,000.00 di dalam 16 buah syarikat. Sama ada syarikat-syarikat itu menguntungkan atau merugikan, kita langsung tidak mengetahui. Apa yang dipandang serius ialah P.D.C. langsung tidak mengemukakan laporan dan penyata kira-kira kepada Dewan ini atau memberitahu rakyat. Memandangkan P.D.C. ialah sebuah organisasi di bawah kawalan Kerajaan, adalah menjadi tang-gungjawab P.D.C. mengemukakan semua bil-bilnya kepada Dewan ini supaya semua Ahli-ahli Yang Berhormat, selain dari Ahli-ahli Exco, akan mengetahui dan bertanggungjawab atas sebarang operasi dan aktiviti yang diluluskannya. Maka adalah diharap kita akan dibekalkan laporan dan penyata kira-kira P.D.C. ketika Dewan bersidang.

Tuan Speaker, semasa Negeri kita mengalami kemelesetan ekonomi dan kemerosotan harga mentah, Kerajaan haruslah mengamalkan prinsip

jimat-cermat. Adakah bijak bagi Kerajaan membe-lanjakan \$27,000,000.00 untuk membeli ruang pejabat di KOMTAR dan memindahkan M.P.P.P., Pejabat Daerah, P.B.A., dan J.K.R. ke KOMTAR? Tindakan ini kelihatan membazirkan. Dengan kaki-tangan Kerajaan dan rakyat tertumpu di KOMTAR, maka keadaan ini telah menimbulkan kesesakan lalu lintas dan masalah letak kereta di situ. Di sebalik itu pula, bangunan-bangunan M.P.P.P. dan Pejabat Daerah dibiarkan kosong tanpa digunakan dan dibangunkan.

Tuan Speaker, berkenaan dengan Muka 7, laporan Ucapan Belanjawan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, beliau ada mengatakan bahawa perbelanjaan sebanyak \$571,900.00 adalah disediakan bagi Kod 3300 untuk pemilikan harta modal. Pada pengetahuan saya, perbelanjaan sebanyak \$500,000.00 adalah untuk membeli motokar-motokar baru untuk Ahli-ahli Exco Kerajaan. Ini bermakna 87% dari jumlah \$571,900.00. Me-mandangkan kereta-kereta Ahli Exco dan Speaker masih dalam keadaan baik dan sempurna, Kerajaan seharusnya tidak boleh membazirkan wang rakyat sebanyak \$500,000.00 untuk membeli kereta-kereta bagi mereka.

Tuan Speaker, jikalau Kerajaan Negeri hend-ak mengikut polisi dasar memandang ke timur, saya ingat kita mestilah membeli kereta Toyota Nissan. Kalau lebih baik kita boleh tunggu tahun depan untuk membeli kereta Proton Saga.

Tuan Speaker, ingin saya tegaskan di sini bahawa salah satu punca utama hasil Kerajaan di bawah Belanjawan Negeri 1985 ialah hasil tanah yang dianggarkan berjumlah \$31,820,000.00. Jika dibandingkan dengan hasil tanah tahun 1984 yang berjumlah \$4,400,000.00, ia telah melebihi sebanyak \$27,420,000.00.

Lebih hasil tanah bukanlah disebabkan kadar hasil tanah dinaikkan, tetapi disebabkan jualan tanah Kerajaan. Adakah Kerajaan semesti-nya menjual tanahnya? Siapakah pembeli tanah Kerajaan? Di mana letaknya tanah itu? Macamana akan pembeli menggunakan tanah itu? Tuan Speaker, Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Tahun 1985 untuk Negeri kita akan menimbulkan defisit sebanyak \$4,625,080.00. Sekiranya, Kerajaan tidak menjual tanah Kerajaan yang dianggarkan berjumlah \$31,820,000.00, maka defisit sebenar-nya ialah \$36,445,080.00. Jika Kerajaan Negeri menjimatkan \$27,000,000.00 untuk perbelanjaan ruang pejabat di KOMTAR bagi Jabatan-jabatan Kerajaan, maka Negeri ini akan mendapat wang lebihan. Wang lebihan ini boleh digunakan untuk

membina lebih banyak rumah kos rendah, menyediakan kemudahan perubatan yang lebih sempurna, membina dan menyelenggara jalan-jalan, parit dan lampu jalan, balai rakyat di kampung-kampung, memberi perkhidmatan telefon dan membantu organisasi-organisasi kebajikan seperti Hospital Lam Wah Ee, St. Nicholas, Old Folks' Home dan sebagainya.

Tuan Speaker, akhirnya saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 1985. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Dr. Khoo Soo Kheng):

Tuan Speaker, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan belanjawan Negeri yang dikemukakan di Dewan yang mulia ini. Atas peluang yang diberikan kepada saya, saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih.

Tuan Speaker, jumlah belanjawan sebanyak \$55,166,200.00 telah diperuntukkan oleh Undang-undang Perbekalan sebagai anggaran belanjawan bagi 14 jabatan Kerajaan. Dari jumlah ini cuma \$2,116,700.00 diperuntukkan bagi Jabatan Pertanian. Peruntukan ini cuma merupakan 3.8%. Peruntukan kecil ini menggambarkan Jabatan Pertanian tidak diberi perhatian yang sewajarnya oleh Pihak Kerajaan memandangkan 65% dari penduduk-penduduk dalam Negeri adalah terlibat dengan usaha-usaha pertanian dan ekonomi Negeri kita adalah berasaskan kepada aktiviti-aktiviti pertanian terutamanya di kawasan Seberang Perai. Gambaran ini memang benar kerana peruntukan kecil yang disalurkan kepada Jabatan Pertanian telah menimbulkan berbagai kesulitan; dan masalah yang ujud selama ini di sektor pertanian khususnya di bidang perikanan tidak dapat diselesaikan dengan sempurna lebih-lebih lagi masalah baru yang menimpa kaum nelayan dari semasa ke semasa.

Tuan Speaker, perusahaan-perusahaan kerang di kawasan perairan pantai di Seberang Perai Selatan adalah merupakan salah satu aktiviti ekonomi yang penting bagi kaum nelayan. Bagi mereka yang tinggal di kawasan pantai pungutan kerang adalah merupakan punca pendapatan utama bagi mereka. Selama ini dalam perusahaan kerang mereka cuma dikehendaki membayar lesen TOL sebanyak \$25.00 seekar setahun kepada pihak Pemungut Hasil Tanah. Bayaran sebanyak \$25.00 setahun adalah patut dan adil dan dalam kemampuan kaum nelayan pembayarannya.

Tuan Speaker, sejak penubuhan Koperasi Nelayan Kawasan Seberang Perai Selatan, lesen

TOL untuk memungut kerang diberi sebulat-bulat kepada koperasi dan bukan diberi terus kepada kaum nelayan seperti yang dilakukan pada masa sudah. Dengan perubahan keadaan ini, maka kaum nelayan terpaksa menganggotai Koperasi Nelayan Kawasan Seberang Perai, agar dapat menyewa lesen TOL. Pertubuhan koperasi ini tidak dapat kita salahkan oleh sebab prinsip-prinsip sebuah koperasi adalah bertujuan untuk membantu, menolong dan memberi kemudahan-kemudahan kepada ahli-ahlinya. Pada masa sudah seorang ahli yang ingin memungut kerang adalah dikenakan bayaran lesen TOL sebanyak \$25.00 seekar setahun. Angka ini adalah lebih kurang sama dengan bayaran yang dibayar kepada pihak Pemungut Hasil Tanah sebelum penubuhan koperasi itu.

Tuan Speaker, apa yang dikesali adalah mulai tahun ini, ahli-ahli koperasi dikehendaki membayar lesen TOL kepada Koperasi Nelayan Kawasan Seberang Perai sebanyak \$425.00 seekar setahun, dan bukan \$25.00 seperti di masa sudah. Bayaran besar ini merupakan kenaikan sebanyak 1,700% atau 17 kali ganda. Di sini letaknya kegajilan dan kepincangan. Ekoran kepada keadaan ganjil ini berbagai soalan telah timbul. Adakah kaum nelayan mampu membayar kenaikan bayaran sebanyak 1,700%? Adakah koperasi ini berhak di bawah undang-undang mengenakan kenaikan bayaran yang dianggap di luar dugaan? Mengapa koperasi ini diberi hak monopoli lesen TOL? Bukankah koperasi di mana ia tidak membantu ahli-ahli, tetapi sebaliknya memeras ahli-ahli? Di sini ingin saya menggesa Kerajaan mengkaji perkara ini dengan mendalam dan mengambil tindakan yang sewajarnya agar kepentingan dan faedah kaum nelayan akan dapat terpelihara.

Tuan Speaker, satu aspek aktiviti pertanian yang harus diberi perhatian oleh Kerajaan adalah perusahaan pembelaan babi. Perusahaan ini adalah amat penting kerana ia membekalkan daging kepada pasaran tempatan. Pembelaan babi di Pulau Pinang ini adalah diusahakan secara besar-besaran, sederhana atau kecil. Baru-baru ini pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai telah mengeluarkan satu arahan kepada para pembela, di mana mereka dikehendaki membina lubang pelimpah pelupusan buangan najis babi (*concrete sump-pit*). Ini bermakna para pembela babi dikehendaki membelanjakan wang banyak untuk membina lubang pelimpah itu. Perkara ini harus dikaji dari dua segi, iaitu adakah para pembela babi mampu membina lubang serupa itu.

Tuan Speaker:

Yang Berhormat, banyak lagikah ucapan Yang Berhormat?

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Dr. Khoo Soo Kheng):

Lebihkurang.

Tuan Speaker:

Dewan ini ditangguhkan limabelas minit.

Dewan ditangguhkan pada jam 11.05 pagi.

Dewan bersidang semula pada jam 11.45 pagi.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Dr. Khoo Soo Kheng):

Tuan Speaker, saya bangun untuk menyambungkan ucapan saya. Baru-baru ini pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai telah mengeluarkan satu arahan kepada para pembela babi di mana mereka dikehendaki membina lubang pelimpah pelupusan buangan najis-najis babi (*concrete sump-pit*). Ini bermakna para pembela babi dikehendaki membelanjakan wang banyak untuk membina lubang pelimpah itu. Perkara ini harus dikaji dari dua segi iaitu adakah para pembela babi mampu membina lubang pelimpah itu dan sama ada ukuran lubang pelimpah yang dicadangkan oleh pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai realistik atau tidak dalam praktiknya.

Di samping itu jangan kita lupa perusahaan pembelaan babi jarang-jarang mendapat bantuan kewangan atau subsidi dari Kerajaan. Tentang soal kemampuan para pembela babi boleh dikatakan kebanyakan dari mereka tidak mampu membina lubang pelimpah kerana buat beberapa bulan kebelakangan ini harga daging babi telah merosot sehingga mereka mengalami kerugian yang besar. Banyak dari mereka sedang menimbang sama ada akan meneruskan perusahaan ini atau meninggalkannya.

Mengenai saiz lubang pelimpah memang benar, besar kecilnya adalah berasaskan pada teori dan bukan pada praktik. Saiz lubang pelimpah bolehlah dikurangkan untuk memotong kos pembinaan jika najis dalam lubang itu sentiasa dikosongkan. Saiz lubang pelimpah yang terbesar yang ditetapkan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai adalah berukuran 63' x 63' x 6'. Tuan Speaker, ini tidak boleh dipanggil lubang, lebih tepat dikatakan ini merupakan kolam renang bertaraf olimpik.

Di sini ingin saya mendesak Kerajaan mengarahkan Majlis Perbandaran Seberang Perai mengkaji semula rancangannya agar kepentingan para pembela babi akan dapat terpelihara. Tuan Speaker, untuk mengelakkan pencemaran dan untuk

menjaga kesihatan, Majlis Perbandaran Seberang Perai terpaksa mengeluarkan peraturan baru ini, tetapi ini menimbulkan masalah di segi kewangan oleh penternak-penternak babi. Saya cadangkan jika boleh Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran tolong membina lubang-lubang pelimpah kepada penternak-penternak bagi dengan wang Kerajaan, kemudian dibayar balik oleh penternak-penternak dengan cara ansoran.

Tuan Speaker, dari angka yang diperolehi Kerajaan Negeri akan mengalami defisit sebanyak \$4.4 juta pada tahun depan. Saya bersetuju angka ini tidak begitu besar memandangkan ekonomi Negeri kita masih belum pulih sepenuhnya. Sungguhpun demikian, saya yakin defisit ini dapat dikurangkan sekiranya Kerajaan berhati-hati membelanjakan wang rakyat agar pembaziran tidak berlaku. Di Dewan yang mulia ini ingin saya menarik perhatian Kerajaan terhadap pembaziran wang rakyat atau lebih tepat dikatakan sejauh mana pembaziran wang rakyat dapat dielakkan atau dikurangkan.

Tidak dinatikan, tidak ada sebarang persefahaman atau penyelarasan yang ujud di antara pihak Jabatan Kerja Raya, Pihak Berkuasa Air dan Jabatan Telekom. Sering kedengaran sebaiknya sahaja sesuatu jalan ditarkan semula oleh Jabatan Kerja Raya, tidak lama kemudiannya pihak Jabatan Telekom atau Pihak Berkuasa Air akan mengorek jalan yang berkenaan untuk tujuan menanam kabel atau paip air. Keadaan ini telah mengakibatkan pembaziran wang rakyat. Pada hemat saya sebarang persetujuan dan rundingan harus diadakan di antara pengetua di ketiga-tiga jabatan itu. Sebelum sebarang jalan ditarkan semula oleh Jabatan Kerja Raya, Pengarah Jabatan Kerja Raya, Pengurus Pihak Berkuasa Air dan Pengarah Telekom hendaklah diberitahu terlebih dahulu tentang rancangan itu. Jika Jabatan Telekom atau Pihak Berkuasa Air ingin menanam kabel atau paip air di jalan yang berkenaan, kerja menanam kebel atau paip air harus dijalankan sebelum jalan yang berkenaan itu ditakan semula dan bukan sebaliknya. Dengan cara ini memang pembaziran wang rakyat akan dapat dielakkan.

Tuan Speaker, tentang hal pembaziran wang rakyat ingin saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini terhadap rumah-rumah kos rendah Fasa 2 di Sekim Perumahan Sungai Jawi. Lebih kurang satu atau dua tahun yang lalu rumah kos rendah Fasa 2 di Sekim Perumahan Sungai Jawi telah siap dibina tetapi bukan semua rumah itu diperuntukkan, sungguhpun ada ramai rakyat yang layak mendapatnya. Terdapat lebih kurang

70 unit rumah kos rendah tidak diperuntukkan dan dibiarkan kosong buat selama satu atau dua tahun. Saya difahamkan Bahagian Perumahan Negeri membelanjakan lebih kurang \$30,000.00 untuk memperbaiki rumah itu.

Tuan Speaker, sekiranya 70 unit rumah itu diperuntukkan sebaik-baik sahaja siap dibina memang pasti Kerajaan tidak akan mengalami kerugian besar yang saya sebutkan. Kerajaan haruslah berhati-hati untuk menjamin setiap sen dibelanjakan dengan betul dan bijak agar rakyat akan diyakinkan terhadap usaha Kerajaan untuk menubuhkan satu pentadbiran yang Bersih, Cekap dan Amanah.

Tuan Speaker, dengan ini saya menyokong Belanjawan Negeri bagi tahun 1985. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Ajam (Encik Yusoff bin Salleh):

Tuan Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan Tahun 1985. Belanjawan 1985 yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri sejumlah \$55,166,200.00 adalah berupa satu bentuk belanjawan yang penuh cabaran terhadap semua pihak yang terlibat dalam Kerajaan Negeri dari segi tugas dan tanggungjawab dalam bentuk perlaksanaan dan pengawasan yang rapi bagi menjamin pencapaian hasrat Kerajaan Negeri terhadap pertumbuhan dan perkembangan ekonomi Negeri Pulau Pinang ini. Yang Amat Berhormat nampaknya begitu yakin dengan bentangan yang dibuat terhadap belanjawan ini walaupun terdapat kekurangan sebanyak \$4,625,080.00. Dalam Belanjawan Mengurus bagi tahun 1985, kita lihat dari jumlah pendapatan hasil sebanyak \$118,772,280.00 jika dibandingkan dengan anggaran belanjawan sebanyak \$123,397,360.00. Keadaan ini dengan berdasarkan kepada rekod prestasi dan keupayaan Kerajaan Negeri pada masa-masa yang lalu yang menunjukkan kadar pertumbuhan dalam beberapa aspek melebihi kadar keluaran Negara dalam segi peratus pertumbuhan.

Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri juga telah menekankan dalam ucapan beliau bahawa di Pulau Pinang sektor perkilangan telah memainkan peranan yang penting dalam pertumbuhan ekonomi di samping menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan dengan memperluaskan pertumbuhan ekonomi dalam tahun 1983 walaupun dalam keadaan ekonomi dunia yang kurang baik. Sektor perkilangan telah dapat menyumbangkan 34.1% daripada Keluaran Negara Kasar Negeri ini, ataupun \$872.4

juta dari segi banyaknya. Kenyataan ini memanglah tidak boleh dinafikan.

Sungguhpun demikian pada pendapat saya kita tidak juga boleh mengeneipkan bahawa sektor pertanian, perikanan, pelancungan dan lain-lain lagi juga boleh dijadikan sebagai punca-punca pertumbuhan ekonomi Negeri ini walaupun memang nyata kepada kita semua akhir-akhir ini nampaknya sektor-sektor ini tidak pernah menunjukkan pertumbuhan ekonomi yang lebih menggalakkan kepada kita semua, tetapi tidaklah pula bermakna yang sektor-sektor ini tidak lagi berguna. Rasa saya keadaan ini mungkin disebabkan oleh kurangnya perhatian dan kesungguhan dalam usaha dari semua pihak ke arah mempertingkatkan kemajuan sektor-sektor ini.

Saya masih teringat lagi ucapan Tuan Yang Terutama dalam Dewan yang mulia ini pada awal tahun yang lalu yang telah menyebut bahawa sektor pertanian juga masih menjadi satu sumber yang penting bagi punca ekonomi rakyat Negeri ini dan pada pendapat saya adalah lebih baik kita menyediakan lebih banyak punca-punca pertumbuhan ekonomi di Negeri ini daripada mengharap kepada satu sektor sahaja, iaitu di bidang perkilangan. Ini saya rasa lebih selamat.

Tuan Speaker, dalam menjayakan cita-cita itu terpulanglah kepada jabatan-jabatan yang berkenaan bagi menyusun program-program yang lebih khusus ke arah memajukan sektor-sektor itu dengan semangat dan cita-cita yang lebih tinggi dari masa-masa yang lalu. Menunjukkan kelebihan wang pada tiap-tiap hujung tahun dari peruntukan yang diberi kepada jabatan-jabatan yang tertentu tidaklah semestinya bermakna yang kita telah berjaya membuat keuntungan atau berjaya menjalankan perbelanjaan dengan cermat. Tetapi mungkin sebaliknya segala program yang disusun tidak mencukupi bagi projek-projek yang dilaksanakan atau kurangnya penglibatan kita terhadap sesuatu projek yang telah dirancang itu. Keadaan ini amatlah dikesalkan sekiranya ada jabatan-jabatan yang telah bertindak demikian rupa. Kita hendaklah membelanjakan dengan sebaik-baiknya dan sepenuh-sepenuhnya segala peruntukan yang telah diberikan kepada kita itu supaya setiap sen yang kita belanjakan itu akan dapat memulangkan hasil yang maksima seperti yang dikehendaki oleh Y.A.B. Ketua Menteri dalam ucapan beliau kelmarin. Dengan cara seumpama ini juga barulah setiap rancangan pembangunan di Negeri ini akan menyeluruh kepada semua golongan rakyat di Negeri ini dan mencapai nikmatnya, sama ada di dalam bandar mahupun di luar bandar.

Tuan Speaker, kita harus sedar di antara beberapa saluran hasil yang diramalkan bagi tahun 1985, termasuklah hasil dari penjualan bahan-bahan batu dan pasir bagi rancangan reklamasi tanah di Negeri ini yang berjumlah \$14 juta dalam jangka masa 3 tahun. Tetapi Kerajaan Negeri telah kehilangan tanah hampir-hampir 500 ekar di sepanjang-panjang Pantai Bersih di Bagan Ajam disebabkan oleh hakisan air laut yang begitu teruk sekali. Sekarang keadaan ini masih berlaku walaupun telah beberapa kali disuarakan di dalam Dewan yang mulia ini.

Pada pendapat saya kejadian ini adalah disebabkan oleh kurangnya pengawasan yang rapi oleh jabatan yang berkenaan terhadap pantai-pantai di Negeri Pulau Pinang dan Seberang Perai ini. Namun demikian kita tidak menafikan ada juga usaha-usaha yang telah dijalankan pada masa-masa ini bagi menyelamatkan pantai tersebut dari hakisan air laut itu. Tetapi yang mendukacitakan kita segala usaha yang dilakukan itu hingga pada masa ini nampaknya seolah-olah melepas batok di tangga sahaja.

Contohnya adalah seperti yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Pengerusi Tanah Negeri dalam Dewan ini pada hari kelmarin, iaitu dengan memasang 9 jalur halangan yang dibuat daripada kayu di sepanjang pantai lebihkurang jarak 500 kaki dengan perbelanjaan \$37,000.00. Adakah ini boleh dianggap sebagai satu langkah menyelamat yang berkesan terhadap hakisan yang telah begitu teruk?

Tuan Speaker, hakikat ini di samping kita sedang merancang projek-projek reklamasi tanah di Negeri ini dengan harapan agar dapat menambah sumber ekonomi Negeri ini, janganlah pula kita abaikan terhadap tanah-tanah yang sedia ada di Negeri ini agar tidak hilang begitu sahaja disebabkan oleh hakisan air yang mana akan menjejaskan rancangan Kerajaan dalam usaha menggalakkan pertumbuhan dan kegiatan ekonomi Negeri ini.

Tuan Speaker, langkah Kerajaan Negeri mengemaskinikan sistem pungutan cukai tanah adalah satu langkah yang baik ke arah menjamin punca hasil bagi tahun 1985 dan tahun-tahun seterusnya yang diramalkan sebanyak \$9 juta itu. Oleh yang demikian keseluruhan pemilik-pemilik tanah yang dengan secara langsung terlibat sebagai pembayar-pembayar cukai hendaklah diberi perhatian oleh pihak Kerajaan dengan sepenuhnya supaya setiap inci tanah di Negeri ini dapat digunakan dengan sepenuhnya, iaitu dengan melalui jabatan-jabatan yang berkenaan bagi menentukan pendapatan hasil yang sebaik-

baiknya terutama sekali bagi tanah-tanah sawah yang mana golongan ini adalah terdiri daripada orang-orang miskin yang membayar cukai kepada Kerajaan.

Apa yang telah disebutkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri di dalam ucapannya bahawa semua jabatan telah dicadangkan dengan satu peruntukan yang secukupnya terutama sekali Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Parit dan Taliair. Kita berharap jabatan-jabatan ini akan dapat memainkan peranan yang lebih berkesan lagi melalui tugas-tugas yang telah ditentukan kepada mereka bagi membantu cita-cita Kerajaan dan seluruh rakyat di Negeri Pulau Pinang ini bagi mencapai perkembangan ekonomi ke tahap yang diharap-harapkan.

Tuan Speaker, dengan ini jelaslah kepada kita semua cadangan Belanjawan 1985 yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri adalah merupakan satu seruan yang menggerakkan kita semua ke arah berfikir yang luas serta semangat yang lebih dedikasi dalam mengawal dan menjalankan tugas yang lebih cekap terhadap sebarang perbelanjaan yang akan dilakukan supaya setiap perbelanjaan yang akan dijalankan itu benar-benar menjamin pulangan yang maksima kepada Kerajaan dan seluruh rakyat Negeri Pulau Pinang. Di samping itu saya mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri yang telah membentangkan Belanjawan ini serta menyokong penuh atas Belanjawan yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri. Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Song Ban Kheng):

Tuan Speaker, saya bangun untuk menyokong Anggaran Belanjawan 1985.

Seperti mana yang sedia maklum segala pembangunan yang dirancang untuk Negeri kita adalah sesuai dari segi konsepnya, tetapi saya harus menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada cara perlaksanaan polisi Kerajaan Negeri. Kita mesti awasi untuk menentukan sama ada pegawai-pegawai Kerajaan melaksanakan semua rancangan Kerajaan dengan adil dan cekap, iaitu sama ada seseorang pegawai itu boleh mengawal dan menjalankan rancangan-rancangan pembangunan di Negeri kita. Soal sama ada pengawasan seperti itu ujud pada tahun-tahun yang lalu terpulanglah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, tetapi saya bercadang dan menegaskan bahawa prestasi kerja pegawai-pegawai, terutama sekali dari pelbagai jabatan harus dipertingkatkan.

Pada masa ini Negara masih mengalami kemelesetan ekonomi, oleh itu Kerajaan menggunakan setiap sen dan ringgit dengan cermat. Pembaziran hasil Negara adalah dosa besar. Kerajaan mesti bercermat dalam soal perjawatan dalam jabatan-jabatan Kerajaan. Saya berkata demikian kerana kerap diketahui bahawa rakyat mengadakan sikap kurang cekap dari jabatan-jabatan Kerajaan. Terdapat contoh-contoh di mana satu permohonan yang mudah dilengah-lengahkan sehingga berbulan-bulan. Ini bukan sahaja membawa kerugian kepada hasil Negeri bahkan juga akan menjatuhkan imej baik Kerajaan Negeri. Ini merupakan satu perkara yang bercanggah dengan seruan Y.A.B. Perdana Menteri untuk memastikan perkhidmatan yang bersih, cekap dan amanah. Di samping ini saya berharap Ketua-ketua Jabatan dapat menentukan kakitangan mereka tidak cuai dalam kerja mereka. Segala sikap yang tidak memuaskan mesti diubah supaya memulihkan imej Kerajaan.

Tuan Speaker, di bandar Bukit Mertajam terdapat banyak masalah yang mesti diatasi dengan serta-merta. Saya tidak berpuashati dengan progress yang tercapai setakat ini. Saya berharap masalah-masalah ini dapat diatasi mulai hari ini.

Masalah yang pertama ialah mengenai jalan-jalan di Taman Tan Sai Gin, Jalan Harapan, Jalan Sirikit dan banyak lagi jalan-jalan yang perlu diperbaiki.

Masalah yang kedua ialah pasar awam yang sedia ada tidak mencukupi lagi kerana perkembangan bilangan penduduk.

Yang ketiga ialah Lorong Chiku yang merupakan sebatang jalan penting kerana pindaan sistem lalu lintas masih tidak bertar. Tambahan pula dengan pindaan sistem lalu lintas di Bukit Mertajam penunggang-penunggang motosikal dan basikal terpaksa berpeluh dua batu supaya sampai ke Sungai Rambai dan Taman Tan Sai Gin manakala dahulunya mereka terus dapat tiba di tempat itu melalui Jalan Arumugam Pillai. Tidakkah boleh kita memikirkan jalan yang tidak begitu susah bagi mereka?

Penjaja-penjaja yang telah dipindahkan ke Jalan Bunga Raya pun telah menghadapi banyak masalah oleh sebab ruang penjaja dan bilangan petaknya tidak cukup. Pihak Berkuasa Tempatan juga telah melukis tempat penjaja di hadapan kedai-kedai. Ini semuanya boleh dielakkan sekiranya pihak yang berkenaan mengkaji masalah ini dengan lebih teliti.

Tuan Speaker, saya tidak ingin mendengar ulasan-ulasan seperti tiada peruntukan atau kekurangan kakitangan lagi. Pada hal masalah-masalah ini telah ujud berpuluh-puluh tahun. Apakah yang telah dirancang untuk rakyat di Bukit Mertajam? Adakah jabatan-jabatan yang berkenaan menggunakan tenaga kerjanya dengan sepenuhnya?

Tuan Speaker, ini bukan masanya untuk kita memberi alasan lagi. Kerajaan Negeri patut memandangkan masalah-masalah dari segi yang betul dan mengatasinya demi kepentingan rakyat kita. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Sak Cheng Lum):

Tuan Speaker, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri pada hari kelmarin.

Sebelum saya teruskan dengan ucapan saya dalam perbahasan Rang Undang-undang ini, saya minta izin Tuan Speaker untuk menyuarakan *observation* dan pemerhatian saya tentang apa yang telah berlaku dalam Dewan hari kelmarin.

Seperti kita semua telah tahu pada hari kelmarin seorang yang tidak mempunyai otak masuk ke Dewan ini dan terus dari mulanya membuat kekacauan dengan tidak berhenti-henti sehingga terpaksa digantungkan oleh Dewan yang mulia ini. Beliau ini telah menunjukkan sikap yang mana tujuannya untuk masuk Dewan ini bukan untuk menyumbangkan apa-apa yang berguna untuk Dewan ini dan juga untuk rakyat di Pulau Pinang, tapi untuk mengambil peluang untuk berulang kali memanggil Ahli-ahli Yang Berhormat dengan berbagai-bagai nama dengan perkataan yang saya rasa tidak patut digunakan langsung dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Speaker:

Termasuk Tuan Speaker.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum):

Ya, termasuk Tuan Speaker, juga, sehingga saya rasa kalau kita tidak gantungkan Yang Berhormat Ahli itu barangkali meja Tuan Speaker juga pecah.

Beliau juga selalu memanggil Yang Amat Berhormat Ketua Menteri kita sebagai orang tua. Beliau barangkali tidak faham bahawa Yang Amat

Berhormat Ketua Menteri kita adalah semacam halia, lebih tua lebih tegoh, lebih tua lebih arif dan lebih pedas dan juga lebih bernilai.

Dan tiba-tiga hari ini, Tuan Speaker, kita buka akhbar, apa yang kita nampak ialah *headline* atau publisiti yang banyak telah diberi kepada kejadian yang berlaku hari kelmarin dan juga kepada seorang yang tidak mempunyai otak. Jadi saya ingin mengambil kesempatan pada hari ini untuk merayu kepada para pemberita kita janganlah ditipu juga oleh orang yang tidak mempunyai otak, yang mana beliau hanya berharap untuk mencari publisiti dengan membuat kekacauan. Kalau hendak membuat kekacauan, saya ingat kita semua di sini juga boleh buat demikian, tetapi saya rasa rakyat telah memilih kita bukan untuk membuat kekacauan. Jadi kita menjalankan apa yang telah disusun untuk dijalankan dalam mesyuarat ini melalui soalan-soalan dan ucapan-ucapan. Ada banyak perkara yang penting yang berkenaan dengan kehidupan rakyat dan rancangan-rancangan Kerajaan yang boleh dibahaskan. Jadi saya harap akhbar-akhbar patutlah memberi lebih publisiti dan lebih perhatian kepada isu-isu, kepada jawapan-jawapan yang telah diberi oleh Kerajaan tentang masalah dan soal-soal yang ada kaitan dengan kehidupan rakyat kita di Negeri ini. Jadi kalau saya sendiri tidak mendapat publisiti pun tidak apalah, sebab ada banyak soalan yang telah dibangkitkan oleh rakan-rakan saya yang perlu diberi publisiti.

Terima kasih banyak, Tuan Speaker. Saya sokong dengan sepenuhnya apa yang dinyatakan tadi oleh rakan saya, Yang Berhormat dari Bagan Ajam, yang mana beliau telah menyatakan bahawa Belanjawan yang telah dibentangkan untuk tahun depan adalah satu Belanjawan yang penuh dengan cabaran. Tetapi saya rasa juga Belanjawan ini adalah satu Belanjawan yang praktikal yang mana saya rasa dengan pentadbiran dan rancangan yang baik dan rapi yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang, kita terus akan kukuhkan pembangunan dan segala perkhidmatan yang Kerajaan kita harus hendak beri kepada rakyat kita. Saya ingin mengucapkan syabas kepada Kerajaan Negeri yang mana melalui kawalan yang baik, kita akan terus mencapai satu angka Keluaran Negara Kasar yang begitu baik.

Tuan Speaker, satu aspek dalam *budget* ini, iaitu dalam bahagian perkhidmatan yang saya rasa sangat penting seperti ditunjukkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri adalah pendapatan atau hasil yang Kerajaan akan mendapati pada beberapa tahun yang akan datang dari penjualan

pasir dan bahan-bahan batu untuk kegunaan dalam projek-projek reklamasi tanah. Hasil sebanyak \$14 juta telah dianggarkan untuk tahun depan (untuk satu tahun) sahaja.

Seperti yang telah saya nyatakan dalam Dewan yang mulia ini pada masa dahulu, Kerajaan Negeri telah menunjukkan satu pandangan yang jauh atau — dengan izin Tuan Speaker — *far-sightedness* dengan melancarkan reklamasi tanah dan saya rasa projek reklamasi tanah ini adalah satu fasa yang baru dalam sejarah pembangunan di Pulau Pinang ini.

Dalam *budget* untuk tahun yang akan datang telah menunjukkan dengan terang bahawa projek reklamasi tanah ini akan membawa berbagai faedah kepada rakyat di Pulau Pinang. Selain dari mendapatkan beratus-ratus hektar tanah yang bernilai, Kerajaan juga akan mendapati hasil dari penjualan bahan-bahan seperti pasir dan batu dan lain dari itu saya percaya bahawa projek *land reclamation* ini juga akan membawakan atau menambah peluang-peluang pekerjaan bagi rakyat kita khususnya pemuda-pemudi di Pulau Pinang.

Saya ingin mengambil kesempatan, Tuan Speaker, untuk merujuk dan berharap Kerajaan Negeri akan mengambil perhatian bahawa dalam aspek pendapatan atau hasil dari penjualan bahan-bahan dan juga dalam perlesenan untuk mengeluarkan atau dalam pengeluaran bahan-bahan ini Kerajaan Negeri hanya boleh mendapat faedah yang maxima jikalau bahan-bahan ini ada dikeluarkan dari dalam Negeri. Jadi saya harap Kerajaan Negeri akan memastikan bahawa bekalan bahan-bahan ini bagi projek-projek reklamasi tanah akan datang dari dalam Negeri dan bukan dari kawasan-kawasan atau tempat-tempat lain.

Tuan Speaker, selain dari pendapatan dari menjual bahan-bahan ini beberapa hektar tanah yang akan didapati melalui kerja reklamasi akan juga menjadi sebahagian hasil yang penting kepada Negeri. Seperti kita semua maklum kebanyakan dari hasil yang kita akan dapat dari tanah yang kita akan *reclaim* atau tanah kita boleh dapat melalui reklamasi akan digunakan untuk membiayai Kerajaan Pusat kepada kos pembinaan Jambatan Pulau Pinang. Saya ingat sebanyak \$800 juta untuk jambatan dan sebanyak \$1.2 billion pada keseluruhannya termasuk dengan sistem jalan-jalan yang berkaitan.

Di sini, Tuan Speaker, saya ingin menyatakan bahawa saya bukan ada apa-apa bantahan

terhadap pembinaan Jambatan Pulau Pinang. Sebaliknya saya telah menyatakan dahulu bahawa jambatan ini akan membawa faedah yang banyak bukan kepada Pulau sahaja tetapi juga kepada Seberang Perai dan Tanah Besar (*Mainland*). Selain dari itu, dengan pembinaan Jalanraya Utara-Selatan dan juga dengan trafik yang akan bertambah dengan pembinaan Jalanraya Timur-Barat, satu perhubungan tetap (*permanent linkage*) antara Pulau Pinang dan Seberang Perai adalah perlu. Akan tetapi, Tuan Speaker, apa yang saya rasa tidak puashati ialah cara-cara bagaimana projek jambatan ini telah dilaksanakan.

Pada mulanya projek ini dijalankan atau dilaksanakan sebagai satu Projek Persekutuan (*Federal Project*), tetapi pada akhirnya Kerajaan Negeri diminta mengambilalih sepenuhnya projek ini dan juga Kerajaan Negeri hendak membayar atau membiayai segala kos jambatan. Saya rasa, Tuan Speaker, jikalau jambatan ini pada awalnya dimulakan sebagai satu projek Kerajaan Negeri jadi barangkali Kerajaan Negeri boleh mendapatkan peluang untuk melibatkan diri dengan lebih mendalam dengan pelancaran projek ini. Barangkali juga dalam perancangan projek jambatan ini Kerajaan Negeri pada mulanya boleh, sebagai contoh, meminta geran pelancaran (*launching grant*) dari Kerajaan Pusat bagi projek ini. Tapi apa yang telah jadi sekarang ialah Kerajaan Negeri harus membiayai sepenuhnya kos projek ini. Jadi saya rasa patutlah di sini Kerajaan Negeri membuat permohonan untuk mendapatkan *rebate* dari Kerajaan Persekutuan atau jumlah (*amount*) yang akan dibayar kepada Kerajaan Pusat supaya satu *rebate* semacam ini boleh digunakan untuk rancangan-rancangan pembangunan bagi Negeri Pulau Pinang demi kepentingan rakyat kita.

Saya rasa Kerajaan Pusat haruslah mengambil perhatian yang berat tentang permohonan ini sebagai satu tanda pada Kerajaan Negeri yang mana Kerajaan Pusat mesti menerima (*must recognise*) bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang ialah satu Kerajaan yang mempunyai kebolehan yang sepenuhnya yang mana Kerajaan Negeri telah menunjukkan dari segi kecapaian dalam tahun-tahun yang lepas yang mana Kerajaan ada semangat daya pengeluaran dan juga ada hasrat dan semangat untuk mencapai lagi pembangunan-pembangunan yang akan datang.

Saya rasa peruntukan-peruntukan yang akan diberi balik kepada Kerajaan Negeri akan menjadikan satu insentif kepada Kerajaan dalam usahanya untuk memberi lebih lagi kemudahan-kemudahan dan infrastruktur pada rakyat kita yang mana keperluan dan desakan rakyat kita kian bertambah.

Tuan Speaker, saya ingin juga mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang telah memperuntukkan sebanyak \$1.7 juta lebih di bawah peruntukan bagi sektor kerja-kerja awam supaya pihak Jabatan Kerja Raya boleh menjalankan dengan lengkapnya segala penyelenggaraan sistem jalan-jalan di Negeri kita. Ini telah menunjukkan hasrat Kerajaan Negeri untuk meningkatkan taraf jalan-jalan Negeri.

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk membangkitkan lagi sekali satu masalah yang telah ditinggalkan lama iaitu masalah berkaitan dengan jalan-jalan lama di dalam taman-taman perumahan (*housing estates*) yang lama yang mana kita telah maklum bahawa jalan-jalan seperti ini dari masa jalan ini dibina sehingga hari ini tidak dapat diselenggarakan sekali jua. Jalan-jalan dalam taman-taman perumahan yang lama — jikalau Tuan Speaker mahukan contoh, di Butterworth pun adalah — seperti jalan di Sin Tat Garden, Taman Cantik di Jalan Teratai di Taman Senangan di kawasan Yang Berhormat dari Bagan Ajam.

Ada lain-lain tempat yang mana jalan-jalan ini tidak ada dalam senarai jalan-jalan Negeri (*State roll of roads*) dan oleh yang demikian tidak layak mendapat peruntukan untuk selenggaraan. Pihak Jabatan Kerja Raya pada masa yang dahulu tidak mahu mengambil alih jalan-jalan seperti ini atas beberapa sebab, antaranya jalan-jalan yang dibina banyak tahun dahulu tidak menemui taraf-taraf Jabatan Kerja Raya. Di antara jalan-jalannya ada juga jalan yang mana tidak dapat dipecahkan milik (*sub-divided*) dan diberi milik kepada pihak Kerajaan seperti saya menyatakan pada masa dahulu. Masalah ini hanya boleh diselesaikan jikalau Kerajaan Negeri memberikan peruntukan — jika boleh satu peruntukan tahunan — kepada Jabatan Kerja Raya supaya Jabatan Kerja Raya boleh meningkatkan taraf (*upgrade*) semua jalan-jalan seperti ini dan selepas itu Jabatan Kerja Raya boleh mengambilalih jalan-jalan yang dinafikan taraf itu dan selepas itu juga jalan-jalan ini boleh mendapat peruntukan penyelenggaraan yang tetap. Jadi kalau tiap-tiap tahun Jabatan Kerja Raya boleh mengambil alih beberapa jalan, saya yakin tidak lama lagi kita boleh dapat menyelesaikan masalah tentang jalan-jalan lama. Saya harap sebahagian dari \$1.7 juta yang akan diberikan kepada Jabatan Kerja Raya pada tahun yang akan datang akan digunakan untuk tujuan tersebut.

Dalam topik menyelenggarakan jalan-jalan, Tuan Speaker, saya ingin menarik perhatian Kerajaan Negeri dan juga Jabatan Kerja Raya kepada masalah kawalan yang tidak rapi atas membaiki

jalan selepas jalan-jalan itu dikorek dalam perlaksanaan berbagai projek khususnya projek-projek yang dijalankan melalui kontraktor-kontraktor swasta. Dalam masa dahulu kita dapat sebagai contoh yang mana jalan-jalan selepas dikorek barangkali untuk menanam paip atau kabel, selepas dikorek dibaiki tetapi kerja-kerja membaiki tidak begitu baik dan tidak begitu bertaraf, dan akhirnya jalan-jalan yang telah dikorek dan telah dibaiki ini menjadi jalan-jalan yang tidak rata.

Kadangkala tempat-tempat yang dibaiki itu selepas dua atau tiga minggu sahaja telah berlubang lagi. Ini saya rasa atas sebab kerja-kerja membaiki jalan-jalan itu tidak memuaskan dan juga kerja-kerja membaiki jalan-jalan yang dikorek selalu mengambil masa yang panjang dan juga hanya dijalankan selepas kita menerima banyak aduan dan teguran dari pihak rakyat. Sebagai contoh, saya ingin sebutkan Jalan Kampong Gajah di Butterworth. Jalan itu telah rosak disebabkan kerja menanam kabel oleh satu kontraktor swasta. Hanya selepas tiga tahun, Tuan Speaker, dan juga hanya selepas berbilang aduan (*complaint*) dibangkitkan melalui Jawatankuasa Tindakan Daerah baru kita dapati jalan itu dibaiki dengan memuaskan.

Jadi dalam kes-kes ini, Tuan Speaker, pada akhirnya Jabatan Kerja Raya dikehendaki menjalankan kerja-kerja membaiki (*repairs*) dengan menggunakan wang atau wang penyelenggaraan (*funds*) dari Jabatan Kerja Raya sendiri. Ini saya rasa sangat mustahak sebab Jabatan Kerja Raya kena menggunakan peruntukan sendiri yang mana pada mulanya pihak yang bertanggungjawab untuk membaiki jalan-jalan itu adalah kontraktor-kontraktor yang berkenaan. Jika kavalan rapi telah diambil oleh pihak yang berkenaan barangkali kita tidaklah perlu membazirkan wang lagi pada akhirnya.

Pada masa sekarang, Tuan Speaker, di Butterworth kebanyakan kerja-kerja mengorek jalan dilakukan dalam implimentasi skim pembetulan najis oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai. Kita boleh mengatakan bahawa tiap-tiap jalan di dalam bandar Butterworth ada terlibat dan dari perhatian saya sendiri dan juga melalui berbagai aduan-aduan yang telah diterima kebanyakan jalan-jalan ini tidak dapat dibaiki dengan memuaskan. Apa yang kontraktor-kontraktor itu buat ialah hanya menutup lubang-lubang yang telah dikorek dan di dalam sistem pembetulan najis ini, Tuan Speaker, lubang-lubang ini sangat besar — tidak sebesar kolam berenang yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi tapi cukup besar. Akhirnya, walaupun lubang ini dibaiki

ditutup dan ditar semula tapi pada keseluruhannya jalan yang terlibat itu menjadi sebatang jalan yang tidak rata. Bukan sahaja jalan itu tidak rata, tapi bahu-bahu jalan (*side-table*) tidak dapat dibaiki dengan memuaskan.

Satu contoh yang baik saya ingin mengambil kesempatan untuk menyebutkan dalam Dewan ini ialah di Jalan Raja Uda, Butterworth, yang mana baru-baru ini kerja membaiki jalan telah dijalankan tapi apa yang kita dapat tengok sekarang ialah jalan yang telah dikorek dan dibaiki itu keadaannya telah teruk, khususnya di bahagian jalan itu di depan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Kwang Hwa yang mana jalan itu telah menjadi tidak rata dan bahu jalan di depan sekolah ini pada masa sekarang selalu menakong air apabila hujan. Jalan itu penuh dengan batu-batu di merata-rata tempat, bahu jalan itu tidak rata dan berlubang, menjadi salah satu punca kemalangan kepada rakyat.

Satu contoh lagi, Tuan Speaker, ialah di Jalan Permatang Pauh. Jalan Permatang Pauh telah dibaiki tetapi tidak rata.

Jabatan Kerja Raya harus campur tangan selepas menerima banyak aduan untuk mengetatkan semula (*resurface*) jalan ini dengan sepenuhnya. Saya ingin bertanya dalam Dewan yang mulia ini dalam kerja atau dalam kos mengetatkan semula jalan itu siapa yang bertanggungjawab di atas pembayaran itu? Jika peruntukan untuk pembayaran mengetatkan semula jalan itu datang dari Jabatan Kerja Raya sendiri ini adalah satu pembaziran wang rakyat yang mana saya rasa kawalan dari pihak-pihak yang berkenaan tidak cukup rapi dan tidak cukup ketat.

Jadi pada akhirnya saya ingin menyeru Jabatan Kerja Raya dan juga pihak-pihak yang berkenaan supaya mereka dapat menjalankan kawalan yang lebih ketat dan lebih rapi supaya memastikan bahawa kerja-kerja membaiki jalan adalah memuaskan dan mengikut taraf Jabatan Kerja Raya sendiri atas sebab jika kerja-kerja itu diselesaikan dan kontraktor pun telah balik ke rumah atau balik ke kampung, kerja-kerja membaiki yang akan dijalankan akan ditanggung dengan peruntukan Kerajaan sendiri.

Tuan Speaker, dengan itu saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang Perbekalan untuk tahun 1985.

Sekian, terima kasih.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan hingga jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada jam 12.53 tengahari.

Dewan bersidang semula pada jam 2.43 petang

Tuan Speaker:

Dewan bersidang semula.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (Encik Lim Heng Tee):

Tuan Speaker, saya minta keizinan untuk mengambil bahagian perbahasan atas Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan Bagi Tahun 1985.

Tuan Speaker, anggaran hasil dan perbelanjaan Negeri Pulau Pinang bagi tahun 1985 memperuntukkan pungutan hasil yang dijangka sebanyak \$118,772,280.00 dan sementara perbelanjaan dijangka sebanyak \$123,397,360.00 dan ini membawa kepada defisit atau kekurangan sebanyak \$4,625,080.00. Belanjawan defisit pada masa keadaan ekonomi negara kita sedang mengalami kemelesetan ini tidaklah mengkagumkan sesiapa pun khususnya pada masa sekarang Kerajaan tidak berniat sama sekali hendak membebankan rakyat dengan kenaikan sebarang cukai. Yang sebenarnya, rakyat di Negeri Pulau Pinang telah pun dikenakan cukai yang maksima. Oleh yang demikian, kenaikan cukai tidaklah seharusnya dikenakan lagi.

Untuk mengatasi belanjawan defisit dalam jangka masa panjang adalah lebih baik Kerajaan mengalihkan pandangannya pada sumber-sumber hasil baru yang lain yang mana tidak akan menyusahkan rakyat secara langsung. Umpamanya sebagai ganti kenaikan hasil cukai tanah (*quit rent*) yang mana telah dicadangkan bagi tahun 1985 adalah lebih baik kalau Kerajaan mempercepatkan segala jenis permohonan tanah misalnya *alienation*, *TOL*, pecahan tanah, pemberian hak milik dan sebagainya supaya lebih banyak lagi premium cukai tanah dan bayaran-bayaran dapat dipungut. Adalah diketahui umum bahawa disebabkan kelengahan (*delay*) sebahagian besar permohonan tanah telah disimpan begitu lama di Pejabat-pejabat Tanah dan Pentadbiran yang mana telah mengakibatkan kehilangan besar hasil-hasil seperti premium, cukai tanah, bayaran-bayaran dan lain-lain tiap-tiap tahun.

Tuan Speaker, tunggakan cukai tanah adalah sebanyak \$7,000,000.00. Angka ini amat besar

dan Kerajaan sepatutnya hendaklah bertindak segera dan tegas untuk memungutnya. Kehilangan laba atau faedah disebabkan kelewatan memungut hasil bukanlah sedikit.

Saya sukacita kerana selepas desakan demi desakan, akhirnya Kerajaan sudah mengambil langkah-langkah yang tertentu untuk mendapatkan tunggakan semula khasnya yang berangka besar-besar. Dengan bertambah cekapnya di dalam pentadbiran tanah di dalam Negeri kita, saya yakin Kerajaan Negeri dapat menambahkan hasilnya secara munasabah.

Tuan Speaker, Belanjawan telah memperuntukkan satu perkara yang penting iaitu hasil jualan tanah yang dianggarkan sebanyak \$27.5 juta. Ini rasa saya adalah angan-angan yang terlalu optimis. Walau bagaimanapun, untuk mencapai matlamat ini, Kerajaan sepatutnya mengambil langkah segera untuk mengadakan tanah yang siap dengan kemudahan-kemudahan dan jika perlu daya penarikan supaya tanah yang berkenaan dapat menarik bakal-bakal pembeli.

Satu daripada sumber hasil untuk Kerajaan Negeri ialah keuntungan yang diperolehi daripada Kuari Penanti. Bagi tahun 1985, keuntungan yang dianggarkan sebanyak \$1 juta akan tetapi bagi sebuah kuari sebesar itu dan kedudukannya yang begitu baik sudah tentu ia mempunyai potensi yang baik untuk meningkatkan lagi keuntungannya itu. Bukanlah maksud saya hendak mengatakan yang kakitangan kuari tersebut tidak menjalankan kerja mereka dengan baik. Apa yang saya ingin tekankan di sini ialah bukan sahaja usaha-usaha harus dijalankan bagi menentukan kecakapan di peringkat pengurusan dan operasi kuari ini tetapi yang lebih penting ialah usaha-usaha hendaklah jalankan bagi mempertingkatkan lagi kadar operasi dan pengeluaran serta dengan pemasarannya khususnya kepada sektor swasta. Saya yakin dengan adanya perancangan yang lebih baik dan lebih kemas, kuari penanti akan menjadi satu sumber hasil yang penting bagi Kerajaan Negeri kita.

Pada bahagian perbelanjaan, saya sukacita mendapati bahawa memandangkan keadaan kewangan yang ketat Kerajaan telah pun mengurangkan banyak perbelanjaan yang tidak perlu. Sungguhpun demikian, terdapat perkara perbelanjaan di bawah Kod 3300 iaitu Lain-lain Harta Modal di mana \$500,000.00 telah diperuntukkan untuk membeli kereta-kereta baru menggantikan kereta-kereta lama dan juga untuk membesarkan *car pool* Kerajaan. Pada hemat saya, peruntukan ini adalah amat besar memandangkan keadaan ke-

wangan kita yang begitu ketat sekarang ini. Walaupun kereta-kereta Kerajaan telah berusia beberapa tahun namun kereta-kereta itu semuanya dalam keadaan yang baik dan masih boleh memberi perkhidmatan yang memuaskan. Tidak ada sebab yang baik kereta-kereta itu diganti dengan kereta-kereta baru. Walau bagaimanapun, *car pool* Kerajaan ini hendaklah jangan terlalu besar hingga membazirkan wang rakyat. Bercakap tentang jenis kereta yang hendak dibeli itu nampaknya pilihan yang lazimnya, tidak lain dan tidak bukan ialah Mercedes Benz yang hebat serta terlalu mahal. Tidak bolehkah kita menimbang untuk membeli kereta-kereta model lain yang kurang hebat tetapi lebih menjimatkan? Mengapa tidak boleh (gangguan).

Tuan Speaker:

Car poll termasuk kereta Speaker.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (Encik Lim Heng Tee):

Saya ingat ada, Tuan Speaker, dengan hormatnya.

Mengapakah tidak boleh kita beli Proton Saga — kereta yang julung-julung kali dibuat di Malaysia bagi menyokong industri kereta nasional kita? Membeli barangan buatan Malaysia adalah kewajipan setiap rakyat Malaysia yang taat setia. Lebih-lebih lagi Kerajaan patutlah berbuat demikian sesuai dengan cogan kata "Pimpinan Melalui Teladan".

Tuan Speaker, tidak boleh dinafikan bahawa ada terdapat kelemahan-kelemahan yang tertentu di dalam belanjawan Negeri kita. Walau bagaimanapun, saya berpuashati kerana pada keseluruhannya belanjawan ini adalah belanjawan yang baik memandangkan Kerajaan telah bersusah payah mengurangkan mana-mana perbelanjaan yang tidak perlu sementara mencari sumber-sumber hasil baru kerana desakan keadaan kewangan yang ketat pada masa sekarang ini.

Oleh yang demikian, Tuan Speaker, saya ingin menyokong Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan bagi tahun 1985 yang telah dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri.

Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik Teoh Kooi Sneah):

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya memohon keizinan untuk berucap di Dewan yang

mulia ini untuk bersama-sama mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan tahun 1985 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri pada hari semalam.

Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan tahun 1985 berjumlah \$55,166,200.00 yang dicadangkan itu dalam memenuhi keperluan pengurusan di bidang perkhidmatan adalah merupakan sesuatu yang boleh dibanggakan. Namun begitu saya menaruh harapan agar segala perbincangan dalam perkhidmatan Kerajaan Negeri hendaklah dibaiki serta diperbetulkan.

Izinkan saya untuk mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Dr. Lim Chong Eu yang mana dalam masa memerintah Negeri ini telah membawa banyak kemajuan serta kejayaan khususnya di bidang sosial ekonomi. Setakat ini sangatlah membanggakan sebilangan rakyat di Negeri ini. Sebahagian besar rakyat di Negeri ini masih menganggap Yang Amat Berhormat Dr. Lim Chong Eu bukanlah begitu tua, sama ada dari segi usia beliau atau di arena politik. Beliau masih sihat, cergas dan kuat serta masih mampu untuk terus memimpin Kerajaan Negeri untuk beberapa penggal lagi. Saya bersyukur dan berdoa kepada Tuhan supaya melanjutkan usia Yang Amat Berhormat Ketua Menteri untuk terus memimpin Kerajaan Barisan Nasional di Negeri Pulau Pinang ini. Di samping itu, kita tahu Yang Amat Berhormat Ketua Menteri adalah seorang pemimpin Kerajaan Negeri yang disayangi oleh seluruh rakyat jelata di dalam Negeri ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kandungan serta penjelasan dalam Rang Undang-undang Perbekalan 1985 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri sudahlah cukup memberi gambaran kepada kita bahawa Kerajaan Negeri mempunyai kemampuan untuk menguruskan jentera pentadbirannya dengan penuh rasa tanggungjawab serta berjiwa rakyat. Dalam persoalan ini saya memberi sepenuh sokongan terhadap seruan Kerajaan Negeri kepada pegawai-pegawainya supaya dapat memberi perkhidmatan yang diperlukan oleh rakyat jelata dengan penuh semangat dan bersungguh-sungguh.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sementara itu Kerajaan juga patut sedar dalam pembangunan pentadbiran di Negeri ini khasnya dalam penyusunan serta perlantikan dan menempatkan anggota-anggota pentadbiran hendaklah dapat menunjukkan struktur peraturan lapisan rakyat di Negeri

ini yang terdiri dari berbilang keturunan. Ini adalah bertujuan untuk mengelakkan polorisasi atau pun pelampau ugama di Negeri ini.

Dalam pada itu saya juga menarik perhatian Kerajaan Negeri terhadap perkhidmatan yang diberi oleh beberapa jabatan dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan. Sebagaimana yang diketahui umum, Yang Berhormat Tuan Speaker, peranan dan tanggungjawab Jabatan Kerja Raya antara lainnya ialah memelihara serta menentukan keadaan jalanraya supaya sentiasa berkeadaan baik untuk kemudahan yang selesa bagi para pengguna jalanraya atau jalan besar. Ini termasuklah menjaga serta mengawasi *side table* atau kakilima jalan semoga berada dalam keadaan baik dan jalan tidak selalu rosak.

Dalam usaha-usaha yang baik ini, Pihak Jabatan Kerja Raya didapati telah membazirkan wang rakyat beratus ribu ringgit setiap tahun bagi membaiki dan menambun kaki lima jalan dengan tanah merah. Dikatakan demikian kerana ianya tidak memberi pengawasan yang secukupnya ketika kerja-kerja untuk tujuan tersebut dijalankan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya tegas-kan demikian oleh kerana pihak pemohon yang dipilih oleh Jabatan Kerja Raya bagi menjalankan kerja-kerja ini didapati melaksanakannya dengan sikap yang tidak bertanggungjawab. Boleh dikatakan pihak pemborong lebih mementingkan keuntungan dari melaksanakan kerja-kerja dengan baik. Dalam perkara ini, Yang Berhormat Tuan Speaker, pihak pemborong hanya melonggok serta meratakan tanah merah dengan menggunakan traktor sahaja tanpa menggunakan jentera yang lebih berat untuk memperkejapkan kedudukannya. Apabila tiba musim hujan tanah merah yang diratakan itu akan mengalir bersama-sama air hujan ke dalam parit di kiri kanan jalan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, menyentuh mengenai Lebuhraya Utara Selatan khususnya di Seberang Perai, bilakah agaknya akan dilaksanakan pembinaannya? Adakah diharapkan supaya dapat dipercepatkan pelaksanaannya, memandangkan kepada Jambatan Pulau Pinang dijangka siap pada pertengahan 1985.

Yang Berhormat Tuan Speaker, telah beberapa kali teguran-teguran telah dibuat kepada jabatan-jabatan Kerajaan yang menganggotai Jawatankuasa Tindakan Daerah khususnya kepada Pihak Berkuasa Air di mana selalu benar mewakili pegawai-pegawai rendahnya untuk menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah. Jadi

bilamana timbul sesuatu perkara yang berkaitan dengan Pihak Berkuasa Air biasanya tidak dapat diberi jawapan. Kadangkala pegawai Pihak Berkuasa Air dari Bukit Mertajam diarah menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah Selatan di mana selalunya pegawai-pegawai ini kurang tahu akan masalah di Daerah Selatan; dan jika timbul sesuatu persoalan maka selalunya tidak dapat dijawab, cuma sekadar mencatatkan soalan dan memberi jaminan akan dijawab pada mesyuarat akan datang. Amalan demikian hanya akan membuang masa Jawatankuasa Tindakan Daerah sahaja. Sepatutnya Pihak Berkuasa Air dapat menghantar pegawai-pegawai atasannya untuk menghadiri mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah serta dapat mengambil tindakan segera dalam sesuatu perkara bagi kemudahan rakyat jelata.

Satu perkara lagi adalah masalah jalanraya atau jalan besar yang dipotong oleh Pihak Berkuasa Air kerana urusan memasang paip air selalunya tidak ditampung semula jalan yang dipotong itu dengan tar dengan kadar yang segera. Sebaliknya ianya dibiarkan berlubang berhari-hari. Berikutan dari itu berlakulah pula kemalangan di jalanraya sedangkan kemalangan tersebut dapat dielakkan. Oleh itu Pihak Berkuasa Air haruslah mengambil tindakan yang segera dengan melaporkan kepada Jabatan Kerja Raya apabila kerja-kerja memasang paip merintang jalan siap dilaksanakan supaya kerja-kerja menampung semula jalan-jalan dapat disegerakan serta kemalangan sudah tentu dapat dielakkan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, seperkara lagi ingin saya membuat teguran di sini ialah mengenai kerjasama di antara jabatan-jabatan atau agensi-agensi Kerajaan yang ada berhubung antara satu sama lain dalam sesuatu perkara. Tegoran saya ini ditujukan khas kepada Jabatan Kerja Raya, Jabatan Parit dan Taliair dan Majlis Perbandaran Seberang Perai yang masing-masing mempunyai peranan dan tanggungjawab terhadap sesuatu projek pembangunan. Contohnya bilamana sesuatu sekim perumahan hendak dilaksanakan oleh pihak Kerajaan sendiri, ataupun oleh pemaju swasta di sesuatu kawasan, mula-mula sekali selepas menukarkan syarat tanah yang diperolehi, satu pelan tata susun mengenai tapak bentuk perumahan, bilangan unit dan lain-lain kemudahan seperti membina jalan, parit longkang, taman permainan kanak-kanak dan lain-lain akan dikaji serta dipertimbangkan oleh ketiga-tiga jabatan yang disebutkan. Sesudah disiasat serta dikaji dan sebelum sesuatu pelan tata-susun diberi kelulusan ketiga-tiga jabatan tersebut diketahui masih mempunyai tanggung-

jawab dalam beberapa segi. Dalam persoalan ini ketiga-tiga jabatan berkenaan mempunyai kuasa untuk memasukkan beberapa syarat yang difikirkan patut ditunai oleh pihak yang hendak memajukan sesuatu sekim perumahan. Jabatan-jabatan yang dimaksudkan berhak menentukan atau menambah syarat seperti membina parit longkang sekian-sekian lebar dan dalamnya, parit buang, jalan rendah dan lain-lain kemudahan untuk dilaksanakan oleh pemaju, tetapi agak malang sekali, Tuan Speaker, kerana perkara-perkara yang saya sebutkan nampaknya kurang diambil perhatian berat oleh ketiga-tiga jabatan tersebut. Berikutan dari itu terdapat beberapa sekim perumahan apabila siap dibina ada keperluan-keperluan yang tidak dilaksanakan oleh pemaju. Bilamana dikemukakan soalan kepada pemaju apa sebab tidak dibina kemudahan itu dan ini seperti parit buang, pemaju akan menjawab tidak ada dalam pelan dan tidak diarah oleh mana-mana jabatan yang berkenaan. Oleh itu maka timbullah masalah-masalah seperti air yang tidak dapat mengalir dengan baik dan bila tiba musim hujan air akan membanjiri kawasan sekim perumahan dan lain-lain kesulitan lagi kepada para penghuninya.

Yang Berhormat Tuan Speaker, masalah yang sama akan timbul pula di sekim perumahan di Taman Nibong Tebal yang sedang pesat dibina, sama ada disadari atau tidak soal parit buang yang ada di dalam pelan dan pelan tersebut mendapatkan kelulusan ketiga-tiga jabatan yang berkenaan. Sepatutnya perkara seperti ini hendaklah diteliti terlebih dahulu dan dimasukkan sebagai syarat kepada pemaju sebelum pelan diluluskan. Kenapa boleh berlaku demikian? Apabila dimajukan persoalan berkenaan perkara-perkara seperti ini, ketiga-tiga jabatan yang dimaksudkan nampaknya cuba meletakkan kesalahan di antara satu sama lain, misalnya Jabatan Kerja Raya akan menyalahkan Majlis Perbandaran Seberang Perai kerana tidak mengenakan sebarang syarat kepada pemaju semasa pelan diluluskan. Pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai pula menjelaskan jabatan yang berkuasa berkenaan syarat untuk jalan, parit, longkang dan parit buang dan lain-lain keperluan ialah Jabatan Kerja Raya. Demikianlah sebaliknya antara ketiga-tiga jabatan ini. Mereka cuba menyalahkan antara satu sama lain.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kalaulah semua jabatan main tolak sahaja dan meletakkan kesalahan kepada yang lain apa akan terjadi apabila sekim perumahan Taman Nibong Tebal serta lain-lain sekim siap dibina dan sesudah Sijil Pendudukan (*Occupation Certificate*) dikeluarkan

sedangkan pihak pemaju melepaskan tanggungjawabnya? Sudah tentu akan menimbulkan berbagai masalah termasuk masalah pengaliran air tidak betul disebabkan ketiadaan parit buang; mungkin pula air akan bertakung di parit longkang di kawasan sekim perumahan, sementara itu akan berlaku pula banjir apabila tiba musim hujan. Jadi apa yang saya telah ketahui kawasan di sekitar pekan Nibong Tebal adalah merupakan kawasan rendah. Jika sekiranya tidak dibina parit buang di sekim perumahan Taman Nibong Tebal sudah pastilah apabila tiba musim hujan akan berlaku banjir serta akan melibatkan seluruh kawasan Kampong Tong Hai, Kampong Pinang, Taman Sri Nibong, Taman Sentosa dan Taman Nibong Tebal sendiri.

Oleh itu saya berharap sangat kepada Jabatan Kerjaraya dan Jabatan Parit dan Taliair serta Majlis Perbandaran Seberang Perai sementara masa masih ada tolonglah semak kembali tentang masalah ini di beberapa sekim perumahan yang sedang dalam pembinaan. Sebelum Sijil Pendudukan dikeluarkan tentukan semua syarat pembinaan parit buang dapat dilaksanakan oleh pemaju di satu-satu sekim perumahan. Janganlah hendaknya oleh sebab kesilapan yang berlaku akan membebankan rakyat bagi tujuan tersebut.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dalam usaha Kerajaan untuk mengujudkan lebih banyak lagi kawasan bandar-bandar baru serta memajukan kawasan kampung dengan menyediakan berbagai kemudahan dan keperluan untuk memenuhi hasrat Kerajaan sepertimana kehendak matlamat dasar ekonomi baru. Ini adalah bertujuan mempertingkatkan lagi kemajuan pembangunan Negara dan meninggikan taraf penghidupan rakyat sesuai dengan keadaan masa kini. Maka dari apa yang diketahui Unit Perancang Bandar dan Kampung telah dibentuk serta diperuntukkan wang bagi memikul tanggungjawab untuk maksud tersebut, tetapi malangnya segala usaha ke arah ini agak lambat dilaksanakan.

Jadi perkembangan yang sama-sama dapat kita ikuti sehingga kini belum ada sesuatu yang boleh dibanggakan kerana belum ada sebarang perancangan untuk tujuan tersebut. Saya berkata demikian adalah ekoran dari pelaksanaan gerak kerja yang agak begitu lembab sedangkan Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri pernah membuat kenyataan menentukan kawasan-kawasan seperti Bandar Bayan Baru, Bandar Baru Seberang Jaya, Bandar Baru Jawi dan Simpang Empat tetapi semuanya masih dalam proses demi proses. Ini tidak pula termasuk kampung-kampung yang

pernah dicadangkan dengan berbagai rancangan pembangunan di mana sehingga kini belum ada yang dimajukan.

Kalau keadaan begini dibiarkan berterusan dan langkah-langkah segera tidak diambil, berapa lamakah tempoh yang akan diambil bagi menyediakan perancangan-perancangan yang lengkap bagi tujuan tersebut? Kerajaan Negeri perlu sedar lambat-lambatnya rancangan disediakan akan mengakibatkan segala usaha tergendala serta membebankan pula tentang kos perbelanjaan yang semakin meningkat. Memandangkan kepada banyak masalah yang akan dihadapi oleh Kerajaan adalah dicadangkan kepada Unit Perancang Bandar dan Kampung supaya lebih menumpukkan perhatian dalam mempercepatkan usaha-usaha ke arah tersebut.

Tuan Speaker, saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan bagi Tahun 1985 yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri dan berharap mendapat kelulusan di persidangan ini. Sekian terima kasih.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Encik Liang Thau Sang):

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon menyokong belanjawan perbelanjaan dan bekalan bagi tahun 1985 yang telah dicadangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri dalam Dewan yang mulia ini di mana sebanyak \$55 juta telah diperuntukkan untuk perkhidmatan dan bekalan, iaitu merupakan 48% dari jumlah anggaran perbelanjaan. Ini telah membuktikan bahawa Kerajaan berhasrat terus memberi perkhidmatan yang baik kepada rakyat seperti tahun-tahun yang lalu.

Sungguhpun di dalam belanjawan ini terdapat kekurangan sebanyak \$4.6 juta akan tetapi ini bukanlah masalah yang serious memandangkan kecekapan Kerajaan dalam menguruskan dan mengawal masalah kewangan pada masa dahulu dan saya penuh yakin bahawa pada akhirnya kekurangan tersebut akan menjadi seimbang. Seperti yang dibangkitkan dalam ucapan Y.A.B. Ketua Menteri, belanjawan bagi tahun 1983 pun pernah menunjukkan kekurangan sebanyak \$4 juta, akan tetapi dengan kawalan yang tegas dan ketat oleh Kerajaan ke atas perbelanjaan, Belanjawan 1983 telah berakhir dengan satu kelebihan berjumlah \$7 juta.

Belanjawan tahun 1985 menunjukkan sebahagian besar anggaran hasil bagi tahun itu datang dari cukai tanah. Ini adalah akibat Kerajaan mengkaji semula kadar cukai tanah demi keseragaman dengan amalan di negeri-negeri lain. Hasil cukai

tanah bagi tahun 1985 telah menganggarkan lebih sebanyak \$9 juta bila dibandingkan dengan tahun-tahun yang lepas. Ini dengan secara tidak langsung membayangkan cukai tanah sudah dinaikkan dengan kadar yang agak tinggi.

Walaupun Kerajaan belum mengemukakan butir-butir rang kadar cukai tanah yang baru akan tetapi kebimbangan dan kekuatiran rakyat terhadap perkara ini telah timbul dengan lebih awal lagi. Kekuatiran rakyat sebenarnya dapat difahami memandangkan kenaikan cukai tanah bermakna bertambah berat bebanan mereka, terlebih-lebih lagi pada masa sekarang bila rakyat sedang menghadapi kemelesetan ekonomi. Sebarang kenaikan sudah tentu akan menderitikan mereka.

Sungguhpun Kerajaan telah menetapkan untuk melaksanakan kadar cukai tanah yang baru bagi 1 Januari, 1985, saya merayu supaya Kerajaan dapat mengkaji dengan teliti keadaan hakikat untuk menentukan sama ada masa itu sesuai atau tidak untuk memulakan projek itu. Sekiranya tidak sesuai Kerajaan pastilah menangguhkan pelaksanaan projek tersebut. Saya juga berharap Kerajaan dapat memberi publisiti dan penjelasan yang mencukupi akan butiran projek tersebut supaya boleh mengelakkan salah faham serta keadaan harubiru yang tidak diinginkan.

Tuan Speaker, masalah tunggakan dalam pembayaran cukai tanah bukanlah satu perkara yang baru. Y.A.B. Ketua Menteri pada tahun lalu telah memberi amaran terakhir kepada pemilik tanah yang masih belum menjelaskan tunggakan cukai tanah bahawa tanah-tanah mereka boleh dirampas jika mereka tidak menghiraukan amaran tersebut. Amaran Y.A.B. Ketua Menteri adalah munasabah oleh kerana sebagai satu Kerajaan yang bertanggungjawab ianya perlu menjalankan tugas yang telah diamanahkan kepadanya oleh kebanyakan rakyat. Akan tetapi sebelum mengambil tindakan undang-undang Kerajaan perlu mengkaji tiap-tiap kes yang berkenaan untuk memahami sebab-sebab sebenarnya tuan tanah tidak membayar cukai tanah.

Tuan Speaker, setahu saya di Seberang Perai khususnya di kawasan Bukit Tengah terdapat banyak tanah pertanian yang telah dipecahkan secara haram dan dijual kepada orang ramai khususnya orang miskin untuk mendirikan rumah kediaman. Ada sebahagian tanah itu telah dipindahkan hak milik kepada pembeli secara berkelompok dan ada sebahagian pula masih didaftarkan di bawah nama peniaga yang menjalankan pecahan haram. Terhadap jenis yang pertama Kerajaan haruslah menyurat kepada tiap-tiap

pemilik untuk menyedarkan mereka akan kewajiban mereka membayar cukai tanah. Kepada jenis kedua pula Kerajaan semestinya menguruskan dengan lebih teliti oleh kerana jika tanah dirampas akan mengalami kerugian. Sebenarnya mereka telah membeli tanah itu dalam keadaan yang jahil.

Tuan Speaker, untuk memberi perkhidmatan yang baik dan cekap kepada rakyat, sikap kakitangan adalah menjadi faktor yang penting. Selalunya ada sikap kakitangan yang mengakibatkan rintangan dalam pelaksanaan projek Kerajaan, akan tetapi Kerajaan terpaksa menanggung padahnya. Projek-projek besar dan dilancarkan oleh Kerajaan memang boleh mendatangkan faedah kepada rakyat, akan tetapi rakyat pada keseluruhannya lebih menitikberatkan masalah yang mereka hadapi dalam kehidupan sehari-hari, seperti masalah kesihatan, jalan lululintas dan sebagainya. Rakyat mereka keciwa sebab selalunya pengaduan-pengaduan tentang masalah seperti ini tidak diberi perhatian serta tindakan oleh kakitangan Kerajaan yang bertugas.

Tuan Speaker, untuk menyenangkan rakyat membuat pengaduan, Kerajaan baru-baru ini telah mengadakan satu "Hotline" yang bernombor 373737. Pada peringkat awalnya sambutan rakyat kepada kemudahan ini sungguh menggalakkan, akan tetapi kini rakyat telah kehilangan keyakinan kepada "Hotline" itu oleh kerana kebanyakan masalah yang mereka adukan melalui "Hotline" itu tidak diatasi dengan serta-merta. Ini adalah juga disebabkan sikap kakitangan Kerajaan.

Tuan Speaker, keadaan seperti ini juga berlaku di Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah yang ditubuhkan bagi menolong semua jabatan dalam mengatasi masalah-masalah rakyat di mana terdapat penyertaan wakil-wakil dan jabatan-jabatan yang berkenaan. Akan tetapi, sebenarnya jabatan-jabatan berkenaan selalu menghantar pegawai-pegawai di peringkat rendah yang tidak mempunyai kuasa untuk membuat keputusan di atas sesuatu masalah. Yang lebih teruk lagi, wakil-wakil itu selalu bertukar sehingga tidak mengetahui apa yang telah dibincangkan dan terjadi dalam mesyuarat yang lalu. Dalam keadaan seperti ini masalah yang dibangkitkan semestinya tidak dapat diselesaikan dengan berkesan.

Penambahan kepada peruntukan kepada Jabatan Kerja Raya menunjukkan bahawa Kerajaan mementingkan penyelenggaraan jalan-jalan raya serta parit-parit di tepi jalan. Saya berharap dengan adanya peruntukan tambahan ini kekurangan peruntukan tidak akan lagi digunakan sebagai alasan bagi sesuatu masalah yang tidak di-

atasi seperti di masa yang lampau. Saya juga berharap pihak yang berkenaan dapat membalas tindakan kepada pengaduan rakyat tentang kerosakan jalan dengan lebih cepat dan memuaskan. Sudah jelaslah bahawa kerosakan jalan bukan sahaja mendatangkan kesulitan kepada rakyat bahkan membahayakan keselamatan mereka.

Tuan Speaker, salah faham dan kekeliruan kalangan rakyat terhadap dasar Kerajaan kebanyakannya disebabkan oleh kekurangan penerangan dan publisiti. Kekeliruan yang dibangkitkan oleh pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai untuk mencabut papan-papan nama di tepi jalan adalah satu contoh yang jelas. Lebih teruk lagi sebahagian kakitangan dan penguatkuasa nampaknya kurang memahami tugas dan tujuan sendiri dan sikap yang tidak nyaman kakitangan Kerajaan itulah yang menyebabkan masalah menjadi lebih rumit.

Tuan Speaker, hanya ada kritik atas kelemahan tanpa kepujian atas kebaikan nampaknya tidak adil. Saya dengan kerasnya ingin memuji prestasi Pihak Berkuasa Air kerana melalui usaha pihak itu pembekalan air di Negeri ini telah menjadi satu kebangsaan. Kadar bayaran bagi bekalan air di Negeri ini pun merupakan kadar yang rendah sekali di seluruh Negara. Akan tetapi ada sedikit yang perlu disempurnakan oleh kerana masih ada segolongan rakyat yang miskin terpaksa membayar kadar bekalan air yang lebih tinggi. Mereka itu kebanyakannya terdiri daripada setinggan-setinggan atas tanah swasta. Oleh sebab tidak berjaya mendapatkan bekalan yang biasa mereka terpaksa menggunakan bekalan sementara dengan kadar dan bayaran yang lebih tinggi. Maka saya berharap Pihak Berkuasa Air dapat menimbangkan kesulitan mereka itu dan cuba meringankan bebanan mereka.

Mengikut laporan dalam Negeri sekarang ini terdapat 90% rakyat sudah mendapat bekalan air. Sungguhpun demikian bagi saya 90% bermakna masih belum adil, dan belum mendapat kejayaan yang lengkap dan sempurna oleh kerana bekalan air merupakan keperluan yang asas dalam kehidupan sehari-hari. Kerajaan perlulah mengkaji secara mendalam akan sebab-sebab 10% rakyat yang lain itu tidak boleh mendapat bekalan air dan cuba memberi pertolongan yang diperlukan untuk menentukan bahawa 100% rakyat dapat menikmati hasil pembangunan Kerajaan.

Akhirnya, sekali lagi saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Hj. Yahaya bin Ahmad):

Tuan Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada hari sidang pertama Dewan yang mulia ini. Saya menyokong penuh di atas Rang Undang-undang ini.

Dalam Rang Undang-undang ini perkhidmatan dan perbekalan yang telah ditetapkan sebanyak \$55,166,200.00 adalah amat strategik sekali. Dari ucapan Yang Amat Berhormat kita boleh lihat bahawa Kerajaan Negeri telah pun benar-benar teliti dalam menyediakan Rang Undang-undang ini dengan tujuan menjimatkan wang bagi menjalankan perkhidmatan dan penyelenggaraan untuk kepentingan rakyat dan juga Kerajaan Negeri ini mengikut keupayaan dan prestasi yang ada setakat ini. Belanjawan ini telah pun diperuntukkan kepada tanggungan dan bekalan berjumlah \$123,397,360.00 dan berkurangan kira-kira \$4,625,080.00. Ini menunjukkan satu jumlah yang memang amat patut sekali dan sesuai dengan keadaan perubahan semasa di mana perlu kita menyelenggarakan dan menjalankan pentadbiran Negeri ini sepertimana yang telah kita jangka untuk memberi peluang perkhidmatan yang baik kepada rakyat di Negeri ini.

Kita semua amat dukacita terhadap pihak pembangkang yang telah membangkitkan soal perbelanjaan Enakmen tahun 1983 di mana kalau kita melihat dari segi peraturan kewangan dan juga pihak pembangkang itu sendiri adalah seorang ahli Jawatankuasa Kira-kira Awam, patutlah beliau memahami peraturan-peraturan kewangan dan tidaklah boleh dihentam dengan secara melulu sahaja. Adalah kita difahamkan bahawa dalam Enakmen tahun 1983, peruntukan tambahan yang telah diluluskan dalam bulan Mei yang lalu adalah untuk Jabatan B. Iaitu Ketua Menteri dan B. 2 Pengarah Tanah dan Galian kerana mengikut peraturan kewangan penambahan-penambahan yang sedemikian ini adalah diperuntukkan kepada Jabatan yang berkenaan sahaja kerana Jabatan ini tidak boleh dipindahkan Kepalanya di antara satu dengan lain yang tidak ada butiran yang sama. Jadi sebab itulah tidak boleh dipindah, hanya boleh antara Kepala Butiran dan Pecahan kepada maksud yang sama sahaja. Oleh itu kita harap pihak-pihak yang cuba mengelirukan apa yang telah dibuat oleh Kerajaan itu haruslah berfikir halus-halus sebelum perkara itu dibangkitkan supaya perkara macam ini tidak akan mengelirukan rakyat di Negeri ini.

Oleh yang demikian penutupan kira-kira pada akhir tahun 1983 berlebihan sebanyak \$7 juta. Inilah yang tidak difaham oleh pihak pembangkang. Kita berharap kepada pihak pembangkang supaya memahami betul-betul hasrat Kerajaan yang melaksanakan pentadbiran Negeri ini dengan berhati-hati. Ini adalah satu perkara biasa bukan sahaja di Negeri kita ini tetapi di mana-mana juga yang menjalankan pentadbirannya.

Tuan Speaker, di sini suka juga saya menyatakan bahawa peruntukan yang telah kita tetapkan ini adalah berbeza dengan apa yang kita usahakan, maka oleh itulah pinjaman-pinjaman untuk digunakan sebagai modal dan menjalankan projek-projek itu perlu. Saya rasa pihak pembangkang juga tidak memahami pinjaman Kerajaan adalah tertakluk kepada keyakinan Kerajaan Persekutuan dan juga Institusi Kewangan dan kita mestilah terus membangunkan Negeri ini dan wang pinjaman itu akan kita gunakan dengan baik. Oleh yang demikian pinjaman ini akan membolehkan kita membayar kembali melalui hasil-hasil dan usaha-usaha yang kita jalankan supaya perkara ini dapat sama-sama kita bertanggungjawab.

Yang pentingnya ialah sikap dan kerjasama rakyat dan juga kakitangan Kerajaan supaya memainkan peranan yang lebih penting, berusaha berlipat ganda dan lebih rajin dan tekun sepertimana selalu diseru-serukan oleh Y.A.B. Perdana Menteri kita. Kita yakin bayar kembali dengan hasil usaha yang telah kita rancangan untuk kepentingan rakyat di Negeri ini supaya kestabilan Keluaran Negara Kasar itu dapat kita gunakan bagi kepentingan kedua-dua pihak.

Tuan Speaker, oleh sebab yang demikian haruslah pihak pembangkang faham, pinjaman yang telah kita buat sebanyak \$65 juta yang perlu kita bayar balik itu adalah hasil daripada usaha Kerajaan mendapatkan kembali wang yang telah dilaburkan dalam bahagian-bahagian yang tertentu melalui agensi-agensi Kerajaan sepertimana yang dinyatakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri dalam ucapan membentang Belanjawan ini.

Tuan Speaker, peruntukan-peruntukan yang ditetapkan ini patut menjadi satu perhatian kepada setiap golongan, terutama sekali kepada jabatan-jabatan yang telah diperuntukkan wang tambahan sepertimana yang telah ditunjukkan, seperti J.K.R. dalam peruntukan tambahan yang ditetapkan bagi tahun 1985 ini sebanyak \$1,723,100.00. Begitu juga dengan jabatan-jabatan yang lain. Ini bermakna hasrat Kerajaan supaya wang ini dipergunakan untuk pengurusan dan pen-

tadbiran yang lebih kemas, cekap dan amanah di atas segala yang telah dirancang itu supaya dapat benar-benar memberi perkhidmatan yang baik kepada rakyat Negeri ini.

Tuan Speaker, dalam perdebatan ini saya suka ambil perhatian di atas ucapan Y.A.B. Perdana Menteri kita juga baru-baru ini, perancangan yang teliti itu amat perlu supaya wang-wang yang diperuntukkan ini tidaklah dibelanjakan kepada jalan yang sia-sia. Oleh itu kerjasama di antara jabatan-jabatan perlulah diperapatkan dan diperseimbangkan dengan kerja-kerja yang akan dilaksanakan. Dalam ucapan Y.A.B. Perdana Menteri itu telah pun menyarankan bahawa perancangan di peringkat daerah adalah amat penting sekali disalurkan dalam perancangan di peringkat Negeri kerana di peringkat daerah inilah satu-satunya tempat penyelenggaraan yang boleh kita sampaikan kepada rakyat terutama sekali rakyat miskin seperti petani dan juga nelayan dan juga petani-petani yang tidak mendapat peluang sepertimana penduduk-penduduk yang lain. Oleh yang demikian adalah harapan kita supaya setiap Jabatan Kerajaan ini mengadakan perbincangan-perbincangan untuk menyelenggarakan sesuatu projek ataupun menjalankan perkhidmatan sepertimana yang saya selalu sarankan.

Juga rakan-rakan saya telah pun menyampaikan dalam ucapan mereka tadi terutama sekali dari segi J.K.R. umpamanya, bilamana jalan raya itu telah pun ditarkan tetapi malang sekali bahu-bahu jalan itu dibiarkan begitu sahaja tanpa penyelenggaraan. Ini amat mendukacitakan kita.

Jadi dengan adanya peruntukan tambahan ini kita yakin dan percaya perkhidmatan ini dapat berjalan dengan baik supaya dapat disusun antara satu dengan lain supaya perkhidmatan itu tidak berlawanan sepertimana yang terdapat hari ini. Saya suka bangkitkan juga umpamanya, kurang perancangan yang teliti di kawasan Kampong Awai, Telok Bahang. Saya rasa jalan ini telah terbiar selama lebih dari 20 tahun tanpa mendapat perhatian dari mana-mana pihak pun. Saya tidak tahu siapakah yang berkuasa untuk menyelenggarakan jalan ini. Adakah jalan ini dianggap sebagai jalan kampung, sedangkan jalan ini amat penting sekali kepada nelayan-nelayan di kawasan Telok Bahang? Antara lain, parit-paritnya terkambus lebih dari 10 tahun, ada pokok-pokok yang mati terjerang di tepi jalan, batu-batu terletak di tepi jalan tanpa pengawasan dan begitu juga bakul-bakul dan tong-tong buruk ditinggalkan begitu sahaja. Ini adalah patut sekali mendapat perhatian Kerajaan dalam masalah penyelenggaraan ini.

Begitu juga kelmarin saya telah bangkitkan soal berkenaan jalan iaitu kita tidak tahu siapakah yang bertanggungjawab kerana jalan-jalan ini — Jalan Tun Sardon, Jalan Paya Terubong, Jalan Bukit Ayon — adalah jalan-jalan yang begitu berpotensi sekali kepada para pelancong dan pengguna-pengguna di kawasan Balik Pulau ke bandaraya Pulau Pinang. Setelah saya nyatakan batu-batu itu dilonggok dengan tanah, itu tidaklah juga menyakitkan mata memandang, tetapi akhir-akhir ini atau dalam seminggu dua ini bukan sahaja sampah-sarap, bahkan tingkap buruk, begitu juga dinding-dinding pecah dan juga alat-alat dapur yang tidak digunakan dilonggok-longgokkan di tepi jalan itu hampir tiga minggu tiada siapa pun mengambil tindakan. Sepatutnya penguatkuasa melihat perkara yang demikian itu patutlah mengawasinya. Inilah pengurusan dan penyelarasan yang kita perlukan. Sehingga dari ini tidak ada seorang pun mengambil tindakan.

Begitu juga di Jalan Bukit Ayon terdapat keadaan yang sama. Kalaulah begini keadaannya, tidaklah bermakna kempen kebersihan yang telah diisytiharkan oleh Yang Amat Berhormat bulan lalu di Permatang Damar Laut itu — tidak ada ertinya sama sekali. Jadi saya berharaplah “Kepimpinan Melalui Teladan” biarlah Kerajaan yang menunjuknya supaya rakyat dapat mengikuti.

Saya rasa oleh sebab banyak soalan yang ingin saya bangkitkan ini telah disentuh oleh rakan-rakan saya, saya suka mengambil peluang ini untuk menyokong apa yang disarankan oleh saudara-saudara saya dalam Dewan ini. Perkara-perkara semacam ini bukan sahaja kali ini telah dibangkitkan tapi boleh dikatakan setiap kali mesyuarat Dewan ini dibangkitkan dan kita harap pada masa yang akan datang perkara-perkara yang macam ini tidak akan timbul lagi.

Itulah sahaja saranan saya bagi menyokong peruntukan belanjawan bagi tahun 1985 yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri dan di sini juga saya suka mengucapkan tahniah kepada pegawai-pegawai Kerajaan kita khasnya kepada Pejabat Kewangan Negeri kita yang begitu ber-sungguh-sungguh, kalau tak salah saya sebanyak lima kali ahli-ahli Jawatankuasa Belanjawan ini membincangkan masalah ini dan berapa kali mereka membuat pindaan menyusun supaya Belanjawan kita ini benar-benar mencerminkan kehendak rakyat dan Kerajaan.

Sekianlah sahaja saya memohon menyokong. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Dr. Ong Hean Tee):

Tuan Speaker, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-Undang Perbekalan dan juga untuk menyentuh di atas satu perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Bukit Tambun berkenaan dengan perumahan kos rendah di Sungai Jawi. Perkara ini pun telah ditimbulkan semasa soalan bertulis daripada Y.B. Ahli Kawasan Bukit Tambun tetapi jawabannya ialah peruntukan perumahan kos rendah ini telah dijalankan dengan lewatnya oleh kerana Kerajaan Negeri terpaksa meneliti peruntukannya mengikut kuota kaum, akan tetapi bagi masa depan Kerajaan Negeri akan cuba untuk memperuntukkan rumah-rumah kos rendah dengan lebih awal lagi.

Sekali lagi Tuan Speaker, saya memohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Tuan Speaker, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1985 yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa perkara untuk diambil perhatian oleh pihak Kerajaan. Bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kawasan Kubang Semang, sukalah saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah membangkitkan masalah pengawalan tikus. Kerajaan memang sedar akan masalah ini dan sedang berusaha supaya ancaman tikus terhadap sawah-sawah dapat dikurangkan. Untuk menghapuskan tikus adalah satu perkara yang mustahil dan sudah tentulah tidak dapat dihapuskan tikus-tikus ini sama sekali. Walau bagaimanapun, dalam tahun 1984 Kerajaan telah memperuntukkan melalui Jabatan Pertanian sebanyak \$145,000.00 bagi pengawalan secara besar-besaran untuk mengurangkan ancaman tikus.

Kita telah menjalankan beberapa kegiatan untuk mengurangkan ancaman tikus ini. Di antara cara-cara yang telah dijalankan oleh jabatan ialah dengan memberi makanan tanpa racun di peringkat permulaan dan pada peringkat yang kedua kita menggunakan umpan padi bersama-sama dengan racun yang dimasukkan ke dalam buluh atau pun corong-corong plastik dan diletakkan di tepi-tepi batas. Di dalam pengawalan musuh tikus ini sudah tentulah Jabatan Pertanian tidak dapat menjalankan secara jabatan sahaja. Bagi mendapat satu

kesan yang lebih, sudah tentulah penglibatan para petani amatlah kita alu-alukan.

Pada tahun hadapan Jawatankuasa Pertanian merancang untuk menyediakan lebih banyak bekas-bekas umpan buluh bagi ditempatkan di kawasan-kawasan bendang yang berkenaan. Kita akan menawarkan kerja-kerja membekal bekas-bekas daripada buluh ini untuk disediakan oleh para petani dan pihak Kerajaan akan menimbangkan untuk membeli bekas-bekas buluh sudah tentulah para petani akan mendapat pendapatan hasil dari kegiatan mereka untuk menyediakan bekas-bekas buluh yangmana sepertimana kita ketahui buluh-buluh ini boleh diperolehi di kawasan-kawasan luarbandar.

Menyentuh mengenai dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kawasan Bukit Tambun iaitu berkenaan dengan bayaran L.T.S. (*T.O.L.*) yang dikenakan ke atas kawasan-kawasan pemeliharaan kerang, suka saya maklumkan bahawa kadar Lesen Tumpangan Sementara bagi satu ekar tanah kerang ialah \$25,000. Bayaran \$425.00 setahun yang dikenakan oleh Persatuan Nelayan bukanlah merupakan bayaran T.O.L. Sebenarnya bayaran yang dikenakan oleh Persatuan Nelayan itu adalah merupakan bayaran komisyen yang dikenakan oleh Persatuan Nelayan terhadap orang-orang perseorangan yang mengusahakan kawasan penternakan kerang yang telah pun diluluskan oleh Kerajaan kepada Persatuan Nelayan. Suka saya ulangkan lagi bahawa Kerajaan tidak akan menimbang permohonan untuk mendapatkan kawasan penternakan kerang daripada orang-orang perseorangan. Pada pandangan Kerajaan pemberian kawasan pemeliharaan kerang ini adalah lebih bererti jika kita meluluskan kepada Persatuan-persatuan Nelayan atau pun Syarikat Kerjasama Nelayan.

Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Negeri Pulau Pinang adalah merupakan pengeksport kerang yang terbesar. Perusahaan penternak kerang adalah merupakan satu perusahaan yang menguntungkan. Setakat ini belum pernah kita dengar pengusaha-pengusaha kerang mengalami kerugian. Pendapatan daripada perusahaan menternak kerang bagi tiap-tiap satu ekar kawasan kerang selepas ditolak perbelanjaan iaitu untung bersih adalah sebanyak \$1,215.00 seekar. Jadi pada pandangan Jawatankuasa Pertanian bayaran sebanyak \$425.00 seekar termasuk bayaran T.O.L. yang dikenakan oleh Persatuan Nelayan terhadap ahli-ahli persatuan adalah munasabah.

Tuan Speaker, menyentuh mengenai dengan masalah pencemaran najis babi, pihak Kerajaan Negeri telah pun membuat suatu ketetapan berhubung dengan masalah penternakan babi di dalam Negeri Pulau Pinang. Sepertimana kita semua sedia maklum perkara penternakan babi ini adalah satu perkara yang sensitif, kita bukan hendak menghalang penternakan babi tetapi kita harus juga sedar bahawa janganlah masalah babi ini boleh menimbulkan sesuatu perkara yang tidak diingini. Oleh kerana itu pihak Kerajaan telah membuat satu ketetapan supaya penternak-penternak babi ini mengambil langkah-langkah yang tertentu bagi mengawal pencemaran najis babi ini. Walaupun air yang keluar daripada kandang-kandang babi ini pada satu ketika kita nampak bersih tetapi pada pandangan orang-orang Islam air itu adalah najis. Kerajaan Negeri telah menetapkan supaya penternak-penternak babi mengadakan "*sump-pit*" atau pun kumbahan supaya najis babi ini dapat ditakung sebelum ianya dapat disedut oleh pihak Majlis Perbandaran.

Mengenai dengan saiz lubang kumbahan (*sump-pit*) ini, saya nyatakan apa yang disyorkan oleh Kerajaan ialah bagi mengadakan satu *sump-pit* secara bersama ataupun *common sump-pit*. Jadi kalau kita membina satu *sump-pit* bersama sudah tentulah saiz atau ukuran *sump-pit* itu boleh meningkatkan hingga 63' x 63' x 6'. Itu bukanlah untuk dijadikan kolam renang, tetapi bagi menampung keperluan jumlah bilangan babi yang begitu banyak. Sepertimana tuan-tuan sedia maklum, najis seekor babi adalah sama dengan najis 6 orang manusia. Kalau jumlah bilangan babi ini besar sekali, sudah tentulah kita memerlukan *sump-pit* yang sama dengan mungkin kolam renang di Seberang Jaya.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dalam memberi kelulusan ataupun dalam mempertimbangkan kebenaran untuk memelihara babi, pihak Kerajaan telah membuat satu keputusan, iaitu sebelum kelulusan permohonan mengenai lesen-lesen penternakan babi bagi pemohon-pemohon baru, pemohon-pemohon baru itu mestilah mendapat perakuan daripada Pihak Berkuasa Tempatan, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung dan daripada Jawatankuasa Muhibbah. Ini adalah ketetapan yang telah dibuat oleh Kerajaan dengan tujuan bagi mengelakkan dari berlakunya perkara-perkara yang tidak diingini. Kita tidak berniat untuk menyusahkan para penternak kerana kita berpendapat penternak-penternak yang mengusahakan ternakan babi ini adalah terdiri daripada mereka yang berkeupayaan dan pendapatan daripada ternakan babi ini adalah sangat menggalakkan.

Tuan Speaker, saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang Bekalan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah):

Tuan Speaker, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong hal-hal di bawah bidang tanggungjawab Jawatankuasa Tanah di dalam perbahasan Belanjawan 1985.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Bagan Ajam tentang hakisan pantai seluas 500 ekar di Pantai Bersih, Kerajaan tidaklah rugi kerana mengikut Kanun Tanah Negara kawasan yang terlibat akan menjadi tanah Kerajaan Negeri. Namun begitu Kerajaan akan terus berusaha menyelamatkan pantai-pantai supaya selamat dari hakisan air laut.

Mengenai cadangan beliau agar sistem kutipan hasil tanah dikemaskinikan, saya suka memaklumkan sistem kutipan yang telah dikomputerkan pada tahun 1982 akan terus dikemaskinikan. Di awal tahun ini, percubaan telah dibuat di dua daerah, iaitu di Daerah Barat Daya dan di Seberang Perai Utara dengan menghantarkan bil-bil hasil kepada tuan-tuan tanah dan kesan balas adalah memuaskan.

Yang Berhormat Ahli dari Machang Bubuk menimbulkan masalah kelewatan di dalam memproses permohonan tanah. Pada lazimnya, sebagaimana Yang Berhormat itu sendiri maklum, permohonan tanah yang tidak mempunyai masalah dapat diselesaikan dengan segera dan mudah.

Tuan Speaker, bila saya menjawab soalan-soalan kelmarin atas kelewatan permohonan ini saya telah menjawab dengan panjang lebar dan telah juga memberi sebab-sebabnya. Adalah tidak benar kelewatan yang berlaku akan merugikan Kerajaan dari segi premium dan lain-lain bayaran. Ini adalah kerana premium dikenakan mengikut nilai semasa. Walaupun begitu, Jawatankuasa Tanah akan terus berusaha mempercepatkan perimbangannya atas permohonan-permohonan.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Tengah telah menimbulkan perkara kenaikan cukai tanah di tahun 1985 nanti. Kenaikan ini adalah selaras dengan negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia. Ianya dibuat sepuluh tahun sekali dan semakan yang dibuat adalah berpatutan. Negeri-negeri lain menaikkan cukai mulai tahun 1985 ini, tetapi bagi Negeri Pulau Pinang, kita telah melewatkan setahun untuk mengurangkan beban rakyat.

Yang Berhormat Ahli dari Paya Terubong telah bertanya berkenaan kedudukan tanah yang hendak ditebusguna itu dan kepada siapa ianya dijual. Sebenarnya tanah yang dimaksudkan itu adalah di antara Jambatan Pulau Pinang dan Weld Quay. Ini adalah sebahagian daripada *package* pembinaan Jalan Pantai Utara. Tanah berkenaan akan diberi milik kepada Konsortium yang berjaya di dalam tawaran yang dibuat.

Tuan Speaker, saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan supaya tindakan tegas diambil ke atas tuan-tuan tanah yang terhutang cukai tanah. Kerajaan sentiasa mengambil tindakan seperti yang dikehendaki oleh Kanun Tanah Negara. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih para perwakilan yang telah bercakap dan tahniah kepada semua Ahli yang telah bercakap dengan baik, bersopan santun dan ada usul-usul, tidak seperti di sebelah sana. Mungkin tuan-tuan bertanya apakah sebab keadaannya hari ini agak berbeza — semuanya aman. Sebab orang yang sengaja ingin melihat Dewan ini kelam kabut telah pun kita usir dengan hinanya dari Dewan ini. Dan mungkin juga tuan-tuan bertanya apakah sebabnya saya telah menggunakan perkataan-perkataan yang keras. Jawapannya mudah: Kalau hendak pecah bukit terpaksa kita gunakan *bulldozer*, tapi kalau kita pergi ke tepi pantai dan mengambil pasir yang lembut di tepi pantai, adalah cukup dengan hanya menggunakan tangan yang lembut.

Saya juga ingin memberi penjelasan kepada hal-hal yang dikemukakan oleh semua Ahli Yang Berhormat yang ada sangkut-paut dengan tanggungjawab yang ditetapkan kepada saya. Mengenai hal-hal yang telah ditimbulkan oleh ADUN dari Bagan Ajam, Y.B. Encik Yusof bin Salleh, mengenai pantai Bagan Ajam, kita bukan sahaja hendak menjaga pantai Bagan Ajam tetapi kawasan Bagan Ajam pun kita hendak jaga juga. Apa yang berlaku di pantai Bagan Ajam merupakan sesuatu yang bersifat semulajadi. Ada tanah yang dikambus dan ada pula tanah yang dikorek. Ini bererti kita tidak rugi sebab kalau ada tanah di Bagan Ajam dikorek, mungkin ada tanah di Kuala Bekah ditambun ataupun di Permatang Rawa ditambun.

Walau bagaimanapun, itu bukanlah bermakna kita hendak melepaskan batuk di tangga atau tidak mahu mengambil perhatian atau kita tidak suka melihat pantai Bagan Ajam yang

cantik, hebat dan penuh dengan pelancung. Tidak, kita telah pun mengadakan *timber groyne* yang dianggap sebagai salah satu usaha yang baik untuk menghalang hakisan yang sedang berlaku di Bagan Ajam.

Tadi ada juga Ahli-ahli kita yang membangkitkan soal-soal lubang — lubang besar, lubang kecil — yang kalau lubang itu besar, payah hendak dikatup, air banyak, menyebabkan lalulintas tergendala, jatuh dan sebagainya. Itu juga kita bagi perhatian. Jadi ada juga orang mengatakan bahawa ini menjadi punca kepada beberapa masalah. Contohnya begini: Umpamanya ada lubang di tepi jalan. Orang yang berjalan kaki hendak elakkan lubang itu, kemudian orang yang berbasikal hendak elakkan orang yang berjalan kaki, kemudian orang yang bermotosikal hendak elakkan orang yang berbasikal, orang yang berkereta pula hendak elakkan oleh yang bermotosikal, lalu jatuh dalam parit. Itulah maksud saya tadi.

Berbalik kepada Pihak Berkuasa Air, saya rasa P.B.A. merupakan salah sebuah agensi Kerajaan yang sangat berjaya. Ini bukan sahaja di Pulau Pinang tetapi kalau tuan-tuan dibandingkan dengan Pihak-pihak Berkuasa Air lain di seluruh tanahair, sama ada dari segi penyediaan air bersih ataupun perancangan ataupun khidmat yang lain. Memang benar masih terdapat kira-kira 10% rakyat Pulau Pinang yang masih belum dapat menerima khidmat air bersih ini. Ini bukanlah satu hal yang disengajakan tetapi kadang-kadang kedudukan rumah-rumah ataupun orang-orang itu agak terpencil dan jauh. Misalnya dalam sebuah kampung cuma ada tiga buah rumah, sedangkan kalau kita hendak bawa air itu ke kampung ini memakan belanja hampir \$100,000.00. Jadi sudah tentulah tidak ekonomik untuk membawa air ke sebuah rumah dengan belanja yang begitu besar, iaitu \$100,000.00. Pernah seorang pegawai berkata kepada saya, kalau bagi duit suruh beli ASN (Amanah Saham Nasional) pun baik, kalau bumiputra. Jadi kita cuba juga mencari cara-cara lain misalnya mengadakan kampung tersusun bagi mendekatkan mereka supaya bekalan air dapat dibawa ke rumah mereka. Walau bagaimanapun, kita berhasrat untuk meningkat angka 90% itu kepada 100%.

Mengenai kehadiran pegawai-pegawai P.B.A. dalam mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah dan sebagainya, hari ini P.B.A. sendiri memang menglamai kekurangan pegawai. Kadang-kadang dua-tiga mesyuarat dijalankan serentak pada waktu yang sama, jadi kita terpaksa

membahagi-bahagikan pegawai-pegawai ini ke tempat-tempat yang mengadakan mesyuarat, supaya semua tempat yang mengadakan mesyuarat itu ada pegawai untuk mendengar masalah dan sebagainya. Walau bagaimanapun kalau tuan-tuan dapati ada pegawai P.B.A. yang sengaja ponteng dan sebagainya, sila bagi tahu kepada saya. Tidak payah tunggu mesyuarat, insya Allah kita akan menyelesaikan perkara ini.

Berbalik kepada papan tanda yang mengganggu lalulintas — sebab kalau lalulintas terganggu saya rasa tuan-tuan juga akan membawa ke Dewan ini — jadi perkara ini akan diambil tindakan, tetapi bukan dengan cara tergesa-gesa. Kita akan bagi amaran, kita buat dengan baik supaya dia sendiri meruntuhkan papan tanda atau papan iklan yang dipacak tanpa izin di atas tanan-tanah Kerajaan ataupun tanah-tanah badan Kerajaan.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli dari Kawasan Kubang Semang, Tuan Haji Adnan, berkenaan kedua-dua Majlis, iaitu Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang untuk bersedia bekerjasama menghapuskan tikus ini bukanlah pula sama dengan cara kita memberi bayaran bagi seekor gagak sebab rancangan ini pernah saya bincang dengan Yang Berhormat Datuk Shariff yang menjadi Menteri Pertanian pada masa itu. Pada masa itu saya menjadi Pengerusi Pertanian, dan cadangan ini nampaknya tidak begitu dapat dijalankan. Ianya juga merbahaya sebab kalau kita bayar katakanlah \$0.20 sen bagi tiap-tiap ekor tikus, misalnya, mungkin ada orang yang akan menjalankan perusahan membela tikus. Hari ini dia bawa 100 ekor, dia kebas sekian banyak duit; esok dia bawa lagi. Kalau perkara ini berlaku, kacaulah, sebab tikus cepat membiak. Seekor tikus boleh melahirkan 16 ekor anak dalam masa beberapa hari sahaja. Kalau sebulan ia boleh melahirkan cukup banyak. Kita hendak membela tikus ini mudah. Jadi dia tidak pergi menangkap tikus di bendang, dia bela pula tikus, dia kerat ekor tikus beraga-raga, usung kepada kita dan kita kena bagi duit. Jadi nampaknya tidak begitu praktikal.

Walaupun bagaimanapun, kita bersimpati dengan masalah yang dihadapi oleh Tuan Haji. Kita bersedia menghantar pekerja untuk membersihkan kawasan. Tikus tidak suka dengan kebersihan, jadi kalau kita boleh bersihkan kawasan, insya Allah masalah tikus akan dapat kita selesaikan. Jadi itu tawaran yang dapat diberikan oleh kedua-dua Majlis.

Mengenai pasar, memanglah banyak tempat yang memerlukan pasar, tapi kita tidak dapat

adakan pasar di semua tempat. Sebab itu kita galakkan dan kita adakan pasar malam, pasar lambak sementara dan berbagai-bagai lagi. Walau bagaimanapun, bila ada kemampuan kita akan adakan satu pasar di tempat-tempat yang sesuai sepertimana yang disebutkan oleh tuan-tuan sebentar tadi.

Mengenai kesesakan lalulintas di Lorong Chiku dan juga masalah penjaja di Jalan Bunga Raya, kita sedang mengkaji bagaimana masalah ini dapat diatasi. Mungkin akan melibatkan sedikit sebanyak pengorbanan dari penjaja itu sendiri dan juga mereka yang tinggal di situ. Jadi saya harap kalau perkara ini timbul, ianya akan mendapat bantuan dan sokongan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang terlibat.

Sekian, terima kasih, Tuan Speaker.

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, saya bangun mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Anggaran Perbekalan.

Tuan Speaker, seterusnya saya mengucapkan terima kasih di atas sokongan yang saya dapat daripada semua Ahli Yang Berhormat tapi saya tidak tahu sama ada Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Kota menyokong atau membangkang. Nampaknya barangkali dia mahu sokong tetapi takut.

Tuan Speaker, kali ini sokongan yang sepenuhnya yang kita dapat di dalam Dewan ini untuk Rang Undang-undang Perbekalan untuk tahun depan adalah amat memuaskan. Saya telah berkata Anggaran Perbekalan bagi tahun depan adalah kritikal dan nampaknya ramai di antara Yang Berhormat Ahli-ahli pun telah membawa beberapa perkara yang bukan bersangkutan dengan perbahasan sahaja tetapi semuanya ada kaitan dengan aspek Anggaran Pembangunan. Oleh sebab kita telah membincangkan beberapa perkara saya harap bila kita membawa usul Anggaran Pembangunan, tidak payahlah ulang balik kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Saya harap kali ini bukan sahaja saya boleh berjanji Kerajaan Negeri tentu akan mengambil perhatian yang berat di atas semua perkara yang dibangkitkan dalam perbahasan Dewan ini, tetapi mengikut organisasi yang telah dicapai yang mana kita ada beberapa Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan dan semua Ahli Dewan Undangan Negeri pun termasuk di dalam Jawatankuasa-jawatankuasa itu, semua Ahli Yang Berhormat di Dewan ini bolehlah mengambil tindakan sesuai untuk menjaga dengan

Anggaran Perbelanjaan yang kita ada bagi tahun depan supaya mendapat hasil yang maxima dari tiap-tiap satu sen yang kita belanjakan.

Tuan Speaker, saya ingin membawa dua-tiga perkara yang asas mengikut prinsip Rang Undang-undang. Tuan Speaker, Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Bagan Ajam dan Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Jermal telah mengambil perhatian yang baik sekali yang mana mereka telah kata anggaran ini adalah satu anggaran cabaran. Jika saya mendapat peluang mengulang balik sebab mustahak, apa yang saya kata ialah saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap butiran hasil ini sebagai satu perkara yang sangat mustahak bukan sahaja untuk Belanjawan tahun 1985 malahan juga untuk pembangunan Negeri ini dalam masa 20 tahun yang akan datang. Tuan Speaker, cabaran yang kita hadapi adalah yang asasnya. Adakah kita yakin dengan kebolehan rakyat kita dan kebolehan kita memimpin rakyat Negeri Pulau Pinang mencapai tujuan yang lebih baik dan mencapai satu taraf hidup yang lebih baik untuk penduduk-penduduk Negeri Pulau Pinang? Bukan untuk hari ini sahaja, tetapi sampai ke tahun 2000, iaitu lebih kurang 20 tahun lagi? Apa yang kita mesti faham dari cabaran ini ialah hari ini kita ada sejumlah 1 juta penduduk di Negeri ini, tetapi dalam 20 tahun yang akan datang mengikut kadar pertumbuhan penduduk-penduduk, Pulau Pinang di tahun 2000 akan mencapai sejumlah 2 juta lebih orang. Bolehkah kita menjalankan pembangunan di dalam Negeri kita untuk faedah penduduk-penduduk yang akan datang? Tuan Speaker, itulah cabaran yang kita mesti hadapi.

Oleh sebab itu jika kita mengkaji balik apa yang kita boleh capai mengikut sektor-sektor ekonomi, saya tentu boleh berjanji dengan Yang Berhormat dari Kawasan Bagan Ajam, bukan sahaja Kerajaan Negeri selalu menjaga dengan sektor pembuatan (*manufacturing*) tetapi kita mesti menjaga dengan semua sektor, barulah ekonomi kita boleh *diversify* dan memuaskan semua pihak. Masa sekarang sektor pembuatan telah mencapai satu kadar 34.1% tetapi lain-lain sektor ekonomi kita juga telah menunjukkan kadar yang baik sekali. Taraf pertanian kita telah naik, begitu juga dengan pembangunan kita yang telah naik sampai 10½% dan lain-lain sektor yang kita ada seperti pembinaan, kewangan, pengangkutan, perkhidmatan Kerajaan, kemudahan awam, perhubungan, perumahan, kuari dan perkhidmatan-perkhidmatan lain. Kita mesti luaskan ekonomi negeri kita.

Inilah cabaran yang kita hadapi, tetapi asas kepada kebolehan kita ialah kestabilan masyarakat kita. Inilah yang saya ingat Yang Berhormat Ahli-ahli dari parti pembangkang langsung tidak faham. Barangkali kalau mereka faham, mereka tentu tidak mengancam dengan cabaran kita. Saya kata begitu sebab di beberapa tahun ini kita telah menjaga keselamatan, keamanan dan kestabilan masyarakat kita. Kita telah membawa penduduk-penduduk Negeri Pulau Pinang untuk menjadi satu masyarakat yang ada semangat perpaduan. Inilah yang kita jaga. Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota kata saya hanya menjaga dengan masalah fizikal dan *material*, tidak menjaga masalah ugama atau rohani tetapi beliau tidak faham dalam 15 tahun ini kejayaan Kerajaan kita bukanlah hanya kejayaan pembangunan atau pembinaan KOMTAR atau rumah kos rendah atau kilang-kilang.

Kejayaan Kerajaan Negeri dalam 15 tahun yang lalu ialah kestabilan, keamanan masyarakat Negeri Pulau Pinang dan di dalam tempoh 15 tahun ini kita telah memberi satu semangat baru kepada rakyat, iaitu rakyat Negeri Pulau Pinang, tidak kira keturunan, semua dengan semangat perpaduan untuk Negara, untuk Negeri, untuk rakyat yang akan datang, untuk anak cucu kita, telah bekerja sama-sama dengan adil dan mulia; bukan seperti Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Glugor yang masuk dalam Dewan ini sahaja hendak hentam. Mereka dari D.A.P. ingin hendak memecah-belah dan menjahanamkan masyarakat di Negeri kita. Jika kita ada semangat semacam ini, tentulah jahanam dan rosak Negeri ini.

Tuan Speaker, Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Glugor tidak ada di sini, tapi saya harap beliau boleh dengar apa yang saya katakan. Beliau panggil saya "*stooge*". Di sini kita boleh nampak macam mana politik beliau. Tujuan beliau ialah jika saya kerja baik dengan kaum Melayu, saya "*stooge*" UMNO; jika saya kerja baik dengan M.I.C. saya "*stooge*" M.I.C., dan kalau saya kerja baik dengan M.C.A. saya "*stooge*" M.C.A. Sebaliknya kalau M.C.A. kerja rapat dengan GERAKAN, M.C.A. mesti "*stooge*" GERAKAN; jika Ahli-ahli U.M.N.O. bekerja rapat dengan GERAKAN, berti orang Melayu ialah "*stooge*" GERAKAN. Inilah yang dikatakan main politik pecah belah.

Apa yang telah menjadi rekod saya dalam 15 tahun ini ialah beberapa pihak wakil-wakil rakyat kita telah dibawa berkumpul bersatupadu dan telah berjaya, dan kalau dalam mendapat kejayaan itu saya dipanggil "*stooge*", saya berasa bangga kalau dipanggil "*stooge*".

Ini terbalik, masa sekarang kita tahu adalah ahli politik dalam bidang politik yang *extremist* perkauman yang mengambil perkataan yang mengancam, hendak pecah-belah kita; dan ada juga *extremist* di pihak bidang ugama yang pakar membuat tuduhan kafir-mengkafir dan lain-lain.

Kita adalah salah satu parti dalam Barisan Nasional yang mengambil tanggungjawab berat untuk perpaduan Negara bagi kepentingan rakyat seluruh Negara Malaysia. Kita telah bekerja bersama-sama beberapa tahun untuk mencapai satu faedah yang lebih baik dan membawa kemakmuran kepada rakyat kita. Janganlah kita dengar kata-kata mereka. Jika mereka panggil kita "*stooge*" kita harus merasa bangga oleh sebab kalau tuduhan itu datangny dari parti pembangkang maksudnya yang betul ia terbalik; kalau kita kata dia baik, dia kata kita hentam dia dan jika kita hentam dia baru dia berasa puas hati.

Saya harap Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Glugor hari ini boleh senang berihat; beliau tidak mengikut sumpah yang dibuat oleh beliau di dalam Dewan ini bahawa seorang wakil rakyat itu mesti bekerja mengikut kebolehan masing-masing. Jika apa yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat dari Kawasan Bukit Glugor kelmarin ialah *to the best of his ability* atau kebolehan beliau, maka rosaklah parti pembangkang.

Tuan Speaker, apa yang menjadi rekod saya selama lebih 30 tahun di dalam Dewan ini — dari sebelum merdeka sampai hari ini — ialah tidak pernah sekali pun saya kena tendang keluar dari Dewan ini disebabkan Peraturan 51. Itu rekod saya. Itu sudah masuk dalam sejarah.

Tetapi termasuk di dalam sejarah rekod beliau ialah dalam beberapa tahun di dalam Dewan ini beliau sudah kena tendang keluar sebanyak 4 kali. Sebab apa? Bukan sebab kita tidak faham apa yang beliau bawa ke dalam Dewan ini tetapi oleh sebab kerap kali beliau masuk ke dalam Dewan ini, beliau hanya ada satu tujuan, iaitu tujuan hendak mengacau dan membuat kekeliruan di dalam Dewan Undangan Negeri ini. Polisi dan ideologi D.A.P. di bawah pimpinan Y.B. Ahli Kawasan Bukit Glugor ada satu sahaja iaitu bertujuan hendak memecah perpaduan masyarakat. Saya harap bukan sahaja Yang Berhormat Ahli-ahli di dalam Dewan ini sahaja yang telah membuang beliau; saya percaya penduduk-penduduk di Bukit Glugor pun berasa tidak puashati. Saya percaya sebilangan besar rakyat di Negeri Pulau Pinang tentu, bila sampai masanya, akan mengambil peluang dan menunjuk dengan terang bahawa

kita tidak lagi mahu satu keadaan seperti yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat dari Kawasan Bukit Glugor.

Tuan Speaker, apa yang kita mesti jaga ialah kalau kita hendak mencapai tujuan/hak kita, kalau kita hendak berjaya di dalam cabaran yang akan datang, kita mesti menjaga kestabilan keharmonian dan perpaduan masyarakat kita. Inilah yang penyokong-penyokong kita akan dapat dari kita di dalam Dewan ini. Ini yang akan kita tunjukkan kepada rakyat Negeri Pulau Pinang. Semua Ahli Yang Berhormat dalam Barisan Nasional tentu akan menjaga kepentingan rakyat kita dan saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat.

Tuan Speaker:

Dewan ditangguhkan setengah jam.

Dewan ditangguhkan pada jam 4.35 petang.

Dewan bersidang semula pada jam 5.06 petang.

Soalan dikemukakan dan dipersetujui.

Rang Undang-undang dibacakan bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang dalam Jawatankuasa Perbekalan.

Wang sebanyak \$14,759,400.00 untuk Kepala B.1 menjadi sebahagian dari Jadual.

Wang sebanyak \$1,529,000.00 untuk Kepala B.2 menjadi sebahagian dari Jadual.

Wang sebanyak \$4,400,200.00 untuk Kepala B.3 menjadi sebahagian dari Jadual.

Wang sebanyak \$6,381,800.00 untuk Kepala B.4 menjadi sebahagian dari Jadual.

Wang sebanyak \$493,600.00 untuk Kepala B.5 menjadi sebahagian dari Jadual.

Wang sebanyak \$671,600.00 untuk Kepala B.6 menjadi sebahagian dari Jadual.

Wang sebanyak \$1,405,200.00 untuk Kepala B.7 menjadi sebahagian dari Jadual.

Wang sebanyak \$15,065,900.00 untuk Kepala B.8 menjadi sebahagian dari Jadual.

Wang sebanyak \$1,776,500.00 untuk Kepala B.9 menjadi sebahagian dari Jadual.

Wang sebanyak \$1,284,800.00 untuk Kepala B.10 menjadi sebahagian dari Jadual.

Wang sebanyak \$590,300.00 untuk Kepala B.11 menjadi sebahagian dari Jadual.

Wang sebanyak \$3,484,100.00 untuk Kepala B.12 menjadi sebahagian dari Jadual.

Wang sebanyak \$1,207,100.00 untuk Kepala B.13 menjadi sebahagian dari Jadual.

Wang sebanyak \$2,116,700.00 untuk Kepala B.14 menjadi sebahagian dari Jadual.

Jadual, Fasal 1, Fasal 2, tajuk penuh dan fasal yang mengundang menjadi sebahagian dari Rang Undang-undang.

Dewan bersidang semula

Bacaan Yang Ketiga

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, saya mohon melaporkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan bagi tahun (1985), 1984 telahpun dipertimbangkan sefasal demi sefasal dalam Jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan. Oleh itu, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang itu sekarang dibacakan bagi kali ketiga serta diluluskan.

Soalan dikemukakan dan dipersetujui.

Rang Undang-undang dibacakan bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

6. USUL-USUL

(A) Usul oleh Y.A.B. Ketua Menteri.

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan "Bahawa Dewan ini meluluskan perbelanjaan sebanyak \$62,372,020.00 yang tertera di dalam Anggaran Pembangunan 1985, yang dibentangkan sebagai Risalah Dewan Undangan Negeri Bilangan 6 Tahun 1984 dan menetapkan bahawa jumlah yang tersebut hendaklah digunakan bagi tujuan-tujuan yang ditetapkan di dalam Anggaran Pembangunan 1985 itu".

Tuan Speaker, Usul ini bertujuan meminta kuasa Dewan Undangan Negeri meluluskan perbelanjaan yang berjumlah \$62,372,020.00 bagi tahun 1985 mengikut kehendak Seksyen 4(1) Akta Pembangunan, 1966, seperti terpakai kepada

Negeri Pulau Pinang di bawah Seksyen 9 Akta yang sama.

Tuan Speaker, Anggaran Pembangunan bagi tahun 1985 ini dibentangkan setelah membuat satu penilaian yang menyeluruh terhadap prestasi oleh semua jabatan-jabatan Negeri dalam tempoh 1981 - 1984. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, tahun 1985 adalah tahun terakhir tempoh Rancangan Malaysia Keempat dan lantaran itu peruntukan kewangan seperti yang dibuat untuk tahun 1985 adalah untuk membolehkan kita menyiapkan berbagai-bagai projek yang sekarang ini sedang berada di peringkat terakhir perlaksanaannya. Dalam keadaan ini kekurangan yang dicadangkan berjumlah \$8,611,200.00 di dalam Anggaran Pembangunan adalah tidak dapat dielakkan. Kerajaan Negeri tidak akan teragak-agak untuk menggunakan Baki Hasil Amnya untuk menampung kekurangan ini apabila perlu.

Tuan Speaker, kita telah mengurus kewangan kita dengan baik di tahun-tahun yang lepas sehinggakan kita dapat mengumpulkan sejumlah \$14.5 juta di dalam Baki Hasil Am kita. Kerajaan adalah berazam sepenuhnya untuk memperbaiki lagi mutu kehidupan rakyat kita selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru. Adalah nyata sekarang bahawa Kerajaan Negeri tidak akan dapat mengekalkan baki sebanyak ini menjelang akhir tahun 1985 kecuali lebih banyak lagi hasil diperolehi melalui sumber-sumber kita sendiri. Oleh itu usaha-usaha adalah sentiasa dilakukan untuk mencari punca-punca baru hasil dan juga menyemak punca-punca hasil yang sedia ada.

Ahli-ahli Yang Berhormat, semasa membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan saya telah memaklumkan kepada Dewan bahawa Negeri ini telah mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat dan ini adalah terutamanya disebabkan oleh perkembangan sektor perkilangan dan perkhidmatan. Pertumbuhan pesat yang telah dicapai oleh Negeri ini adalah terutamanya disebabkan oleh strategi pembangunan yang telah diamalkan oleh Negeri ini semenjak sepuluh tahun yang lalu, iaitu perindustrian luar bandar dan perbandaran desa, pembangunan dan mempelbagaikan *agro-horticulture* bersama-sama dengan pembaharuan bandar dan pembangunan perusahaan pelancongan.

Kerajaan Negeri akan meneruskan strategi ini dan akan menggabungkan kejayaan-kejayaan yang telah kita capai supaya asas ekonomi kita yang luas akan menjadi kukuh untuk memastikan kemajuan-kemajuan seterusnya dalam dekad yang akan datang. Demi mengekalkan kepesatan kadar

pertumbuhan sosio-ekonomi di Negeri ini dan mengekalkan kedudukan kita sebagai sebuah pusat pertumbuhan yang terkemuka di negara ini, Kerajaan akan menentukan supaya kemudahan infrastruktur dipermoden dan diperbaiki dan simpanan tanah yang mencukupi akan disediakan bagi menampung projek-projek pembangunan di masa hadapan. Negeri Pulau Pinang adalah sebuah negeri yang kecil dan oleh yang demikian tidak mempunyai tanah yang banyak. Tuan Speaker, Kerajaan akan cuba mengelakkan untuk mendapatkan tanah melalui pengambilan tanah dan mulai tahun 1985, Kerajaan akan berusaha supaya stok tanah di Negeri ini diperolehi melalui reklamasi. Rancangan untuk menebusguna tanah adalah sedang dipertimbangkan dan apabila diputuskan, butir-butirnya akan dimaklumkan kepada Dewan ini dan orang ramai.

Walaupun demikian, saya ingin merayu kepada Kerajaan Persekutuan supaya menyemak semula pemberian-pemberian tahunannya kepada Kerajaan Negeri ini yang berdasarkan perlembagaan seperti Pemberian Kiraan Kepala, Pemberian Jalanraya, Pemberian Pertambahan Hasil dan Pemberian untuk Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup untuk menambah kepada usaha-usaha kita. Jika tidak, kita akan mengalami satu keadaan di mana bukan sahaja kita tidak dapat memindahkan peruntukan daripada Kumpulanwang Yang Disatukan ke Kumpulanwang Pembangunan Negeri malah juga kita akan menghadapi kesukaran aliran wang tunai dalam melaksanakan projek-projek kita.

Tuan Speaker, jumlah peruntukan Perbelanjaan Pembangunan seperti yang ditunjukkan di Kertas Bilangan 6 Tahun 1984 telah dikaji dengan teliti sehingga membolehkan kita membentangkan satu Anggaran Pembangunan yang realistik dan secara langsung dihubungkan dengan punca-punca kewangan kita sendiri. Pejabat Kewangan Negeri perlulah terus mengawal semua butiran-butiran perbelanjaan yang sekarang ini dibentangkan untuk diluluskan.

Tuan Speaker, sejumlah \$40,864,270.00 adalah diperuntukkan di bawah Maksud Pembangunan 101 di bawah Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan. Daripada jumlah ini \$26,010,160.00 adalah bagi maksud rancangan-rancangan perumahan kos rendah yang sekarang ini sedang berada di berbagai-bagai peringkat pembinaannya.

Sungguhpun matlamat kita bagi tempoh Rancangan Malaysia Keempat ialah untuk mem-

bina 4,569 unit rumah kos rendah nampaknya menjelang akhir tempoh rancangan tersebut kita hanya akan dapat membina 2,594 unit disebabkan pengurangan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan. Walaupun begitu, sebagai langkah mengatasi kesukaran kewangan ini Kerajaan Negeri akan melaksanakan program pengswastaannya untuk membina lebih banyak rumah kos rendah di tahun-tahun akan datang. Kita telahpun mengenalpasti 20 tapak di seluruh Negeri yang boleh menyediakan 10,000 unit rumah kos rendah secara berperingkat-peringkat di bawah program pengswastaan ini. Adalah diharapkan melalui kerjasama erat antara Kerajaan dengan sektor swasta dalam semangat Persyarikatan Malaysia sebenarnya Kerajaan akan dapat menyediakan lebih banyak rumah yang mampu dibeli oleh rakyat kita dari golongan yang berpendapatan rendah.

Tuan Speaker, di bawah Maksud Pembangunan 101 Butiran 6, peruntukan sejumlah \$1,500,000.00 adalah diperuntukkan bagi maksud Projek Pembangunan Masyarakat yang menyediakan kemudahan-kemudahan asas dan infrastruktur bagi penduduk di luar bandar. Projek-projek ini termasuklah pembinaan lintasan, jeti, pembetung dan jambatan serta kemudahan rekreasi dan sebagainya. Kerajaan adalah berazam untuk berbuat apa sahaja yang boleh untuk terus memperbaiki taraf dan mutu kehidupan penduduk luar bandar.

Tuan Speaker, peruntukan bagi Jabatan Pertanian adalah berjumlah \$2,386,810.00. Dari jumlah ini \$1,000,000.00 adalah bagi maksud menyiapkan program pemulihan tanah rang yang telah dilancarkan pada tahun 1981. Sebahagian besar daripada peruntukan ini akan dipergunakan untuk membeli jentera-jentera pertanian, benih-benih, bahan-bahan kimia dan kos berkaitan. Sejumlah \$555,300.00 adalah diperuntukkan di bawah Butiran 12, 13, 17 dan 18 masing-masing untuk projek Percubaan Pertanian, Perkembangan Tanaman Sayoran dan Makanan serta Perkembangan Tanaman-tanaman lain seperti industri okid. Sejumlah \$263,500.00 adalah diperuntukkan di bawah Butiran 9 bagi maksud memperengkapkan lagi Pusat Pertanian Relau, Pusat Pertanian Daerah dan Pusat-pusat Latihan dengan kemudahan-kemudahan latihan yang lebih baik dan perkhidmatan-perkhidmatan perkembangan kepada petani-petani.

Jabatan Parit dan Taliair di bawah Maksud Pembangunan 103 diperuntukkan sejumlah \$6,962,150.00 bagi maksud melaksanakan ber-

bagai-bagai projek dalam tahun 1985. Tuan Speaker, 8 sekim pengairan melibatkan pembinaan 9.142 kilometer taliair konkrit, 7.39 kilometer taliair tanah, 4.47 kilometer parit sawah dan 13.71 kilometer jalan masuk ke bendang dengan kos \$2,632,000.00 akan dijalankan dan kerja-kerja ini akan memberi faedah terhadap 2,200 hektar tanah bendang dan 1974 hektar tanah pertanian di Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah dan Barat Daya.

Tuan Speaker, sejumlah \$1,000,000.00 adalah diperuntukkan bagi projek pencegahan banjir yang melibatkan sebahagian besarnya pembinaan dan mengukuh ban-ban tepi pantai dan sungai sepanjang 13.73 kilometer dan pembaikan kepada 16.769 kilometer sungai dan parit-parit bagi pengawalan banjir terhadap 563 hektar tanah padi dan 3,096 hektar tanah-tanah pertanian yang lain. Di bawah projek Jambatan-jambatan dan Lintasan-lintasan, sejumlah \$608,200.00 adalah diperuntukkan bagi tahun 1985. Dua buah jambatan bagi kegunaan jentera penuai bersama dengan 37 jambatan kayu untuk kegunaan traktor akan dibina di kawasan padi dan 10 jambatan lagi di lain-lain kawasan pertanian. Projek-projek ini menyediakan kemudahan yang lebih baik bagi penggunaan jentera-jentera pertanian yang kini digunakan oleh para petani moden.

Tuan Speaker, di bawah Maksud Pembangunan 109 sejumlah \$1,147,030.00 telah diperuntukkan kepada Jabatan Haiwan Negeri. Pembahagian lembu, kerbau, kambing dan kambing biri-biri akan diteruskan dalam tahun 1985 mengikut permintaan daripada para penternak. Pembahagian anak-anak ayam dan itek di kawasan-kawasan luar bandar akan juga diteruskan.

Sebuah Pusat Pengumpulan Susu Wilayah yang baru sedang dibina di Sungai Jawi dan dijangka siap menjelang akhir tahun ini. Pusat ini akan menyediakan perkhidmatan kepada semua cawangan-cawangannya yang lain di Negeri ini pada awal tahun 1985. Tiga lagi cawangan-cawangannya akan beroperasi dalam tahun 1985 iaitu satu bagi tiap-tiap daerah, iaitu Daerah Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Utara dan Barat Daya. Penubuhan pusat ini dan cawangan-cawangannya di tiap-tiap daerah pada awal tahun 1985 dijangka akan dapat menambah pendapatan penternak-penternak yang menyertainya dari \$300.00 ke \$500.00 sebulan.

Tuan Speaker, ketiga-tiga Jabatan iaitu Pertanian, Parit dan Taliair di Haiwan adalah berhasrat sepenuhnya untuk menyediakan perkhid-

matan yang bersepadu kepada petani-petani kita supaya kita dapat mempergunakan sumber-sumber kita yang terhad dengan cara sebaik-baiknya. Selaras dengan Dasar Pertanian Negara, pada tahun 1985 Kerajaan Negeri akan melaksanakan projek pertanian bersepadu yang dikenali sebagai "Projek untuk menaikkan pendapatan petani, penternak, nelayan dan pekebun-pekebun kecil" yang melibatkan pertanian secara berkelompok di sembilan kawasan yang telah ditentukan. Projek ini melibatkan penyediaan kemudahan infrastruktur dan input pertanian oleh berbagai jabatan dan agensi di dalam sektor pertanian. Dalam hal ini Jabatan Parit dan Taliair telah diberikan \$1,119,000.00 untuk membina taliair konkrit sepanjang 5.18 kilometer dan mendalamkan parit sepanjang 5.79 kilometer dan 3,649 kilometer sungai yang akan menyediakan kemudahan pengairan dan pamaritan yang teratur dan sistematik terhadap 468 hektar tanah bendang di kawasan yang berkenaan. Kerajaan Negeri akan memberikan peruntukan yang lebih lagi bagi projek ini apabila sahaja diperlukan pada tahun hadapan.

Tuan Speaker, saya ingin sekali lagi menyatakan dengan tegas komitmen Kerajaan Negeri untuk mengukuh dan memperbaiki sektor pertanian yang masih lagi merupakan sektor asas sosio-ekonomi kita. Saya berharap supaya para petani kita akan bekerjasama dengan berbagai-bagai agensi Kerajaan untuk memastikan kejayaan pelaksanaan projek yang dicadangkan ini supaya kita boleh dengan lebih mudah mencapai matlamat mempertingkatkan mutu kehidupan para petani kita dengan menambahkan pendapatan menerusi kegiatan-kegiatan mereka.

Tuan Speaker, di bawah Maksud Pembangunan 107 sejumlah \$8,643,140.00 telah diperuntukkan kepada Jabatan Kerja Raya. Penekatan bagi tahun 1985 ialah untuk memperbaiki dan menyelenggara jalan selaras dengan pertambahan jumlah lalu lintas. Oleh yang demikian sejumlah \$4,500,010.00 adalah disediakan bagi maksud ini. Program ini akan melibatkan pelebaran dan mengukuhkan jalan dan jambatan dan juga termasuk pembinaan pembetong dan longkang konkrit tepi jalan. Sebagai tambahan sejumlah \$1,500,000.00 adalah diperuntukkan di bawah Butiran 26 untuk pembinaan jalan-jalan dan jambatan-jambatan baru termasuklah projek Tambak Batu Kawan yang mengadakan perhubungan kekal di antara Bukit Tambun dan Batu Kawasan menggantikan perkhidmatan feri yang ada sekarang.

Tuan Speaker, di bawah Maksud Pembangunan 114, peruntukan berjumlah \$571,950.00 telah disediakan untuk Jabatan Hutan. Dari jumlah ini \$353,600.00 adalah diperlukan untuk pelaksanaan beberapa projek sambungan seperti Taman Rimba, pembaikan kepada Muzium Perhutanan, Perhutanan Berkampung dan juga Hutan Bandar.

Sejumlah \$1,120,000.00 adalah diperuntukkan bagi Maksud Pembangunan 115 — Jabatan Hal Ehwal Ugama. Pejabat-pejabat baru Kadi Daerah di Kepala Batas dan Nibong Tebal dan di Balik Pulau akan dibina dalam tahun 1985. Peruntukan sejumlah \$250,000.00 di bawah Butiran 3 adalah disediakan bagi pembinaan, pembesaran dan pembaikan masjid dan surau dan peruntukan ini bertambah sebanyak \$95,000.00 daripada peruntukan tahun ini yang berjumlah \$155,000.00.

Tuan Speaker, sejumlah \$176,670.00 di bawah Maksud Pembangunan 116 adalah diperuntukkan kepada Jabatan Kebun Bunga dalam tahun 1985 untuk membolehkan Jabatan tersebut menyiapkan semua projek-projek pembangunannya di bawah Rancangan Malaysia Keempat iaitu pembesaran kawasan Kebun Bunga, pemulihan dan pembaikan "*landscape*" yang ada dan membaiki kemudahan-kemudahan awam.

Tuan Speaker, peruntukan Anggaran Pembangunan tahun 1985 menunjukkan hasrat Kerajaan untuk melaksanakan sepenuhnya semua projek-projek yang telah dimulakan di bawah

Rancangan Malaysia Keempat untuk meningkatkan taraf hidup dan mutu kehidupan rakyat kita secara menyeluruh. Memandangkan adanya kesukaran kewangan yang kita hadapi sekarang ini maka kita mestilah bekerja dengan lebih tekun dan lebih berkoordinasi dan cekap dalam "*productivity*" pentadbiran untuk membolehkan kita mencapai pertumbuhan sosio-ekonomi kita seterusnya. Lantaran itu tahun 1985 adalah satu tahun yang sungguh kritikal dan mencabar bagi kita semua.

Rakyat kita mestilah memahami kesukaran kewangan yang kita hadapi sekarang. Mereka mesti memahami sepenuhnya keazaman Kerajaan untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru secara bekerjasama lebih baik dengan Kerajaan untuk melaksanakan projek-projek yang telah dikenalpasti. Rakyat kita hendaklah pada setiap masa menyokong Kerajaan dan menyertai program-program Kerajaan untuk mengekalkan keamanan, keselamatan dan kestabilan masyarakat kita supaya pembangunan sosio-ekonomi dapat dilaksanakan demi memberi munafaat yang sebenar-benarnya kepada rakyat kita semua.

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan.

Ahli Kawasan Tasek Gelugor (Tuan Haji Md. Noor bin Ahmad):

Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Dewan ditangguhkan pada jam 5.45 petang.